

"DAN segeralah kamu kepada mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat keampunan daripada Tuhan kamu dan mendapat syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan ingatlah Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ali 'Imran, ayat 133-134.



MENINGKATKAN KEFAHAMAN MASYARAKAT KEPENTINGAN GERAKAN DAKWAH



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika memberikan ucapan perasmian Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun Pusat Da'wah Islamiah di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 September. - Usaha kita mempertinggi dan memperkuat syiar Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD). Untuk mencapai tujuan-tujuan ini sangatlah kena pada tempatnya bagi Pusat Da'wah Islamiah (PDI) menjadi sebuah institusi perkembangan dakwah Islam di negara ini dan mempertinggi pengetahuan rakyat berhubung dengan ajaran-ajaran Islam.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat majlis berucap demikian semasa memberikan ucapan perasmian Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), hari ini.

Menyentuh mengenai program dakwah untuk menerima saudara-saudara baharu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menyatakan bahawa rekod kumulatif pengislaman mencatatkan bahawa

ada seramai 18,689 orang iaitu bagi tempoh mulai tahun 1985 hingga Jun tahun 2025 ini.

Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI diadakan bersempena dengan Jubli Delima PDI iaitu Sambutan Ulang Tahun Penubuhannya Ke-40 pada 1 Muharam 1406 Hijrah bersamaan 16 September 1985 Masihi anjuran PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Seminar Da'wah bertemakan 'Sinar Da'wah 40 Tahun Di Negara Zikir : Cabaran dan Harapan', sementara pamerannya pula membawa tema 'Menelusuri 40 Tahun PDI' dan diadakan selama dua hari iaitu bermula hari ini, Selasa, 16 September 2025 sehingga Rabu, 17 September 2025.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Kerja (SkiPPA), PDI, Awang Muhammad Zainulariffin bin Haji Muskapah.

>> Muka 3

Berita Utama



IPA, CIG meterai MoU perkukuh keupayaan Perkhidmatan Awam

Muka 8



MENILAI tahap kesediaan Hutan Paya Gambut Belait sebagai tapak perintis

Muka 11

Menggerakkan strategi mampan dalam penjagaan anak-anak damit

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 September. - Menurut kajian dari luar negara, dianggarkan 60 peratus kejadian yang tidak diinginkan *adverse event* yang telah berlaku kepada anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak di hospital boleh dicegah.

Antara kejadian yang kerap berlaku adalah seperti kejadian yang melibatkan kesilapan perubatan, jangkitan kuman, kesilapan diagnostik dan kegagalan peralatan mesin perubatan.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan bersempena dengan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia (World Patient Safety Day).

>> Muka 4

Membangunkan, mengamalkan amalan terbaik keselamatan siber

Oleh : Haniza Abdul Latif

GADONG, Isnin, 15 September. - Untuk menjadi celik siber (*cyber-smart*) bukan semata-mata mempunyai kemahiran teknikal, tetapi ia adalah cara berfikir, satu tabiat, dan tanggungjawab bersama, juga mengenai pengetahuan, ketahanan, dan tanggungjawab.

Kita semua sedar ancaman itu nyata dan berkembang dengan pantas. Serangan *ransomware* boleh melumpuhkan organisasi, kebocoran data mendedahkan maklumat sensitif dan kempen maklumat palsu boleh

meruntuhkan kepercayaan terhadap institusi kita.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam ucapamannya semasa Persidangan Keselamatan Siber Brunei (CySec) Ke-3, 2025, yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

>> Muka 5

UTB raikan pencapaian pelajar, kecemerlangan staf

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

BERAKAS, Selasa, 16 September. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) meraikan pencapaian akademik para pelajar serta kecemerlangan profesional warga akademik dan bukan akademik dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan UTB 2025 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, hari ini.

Majlis berkenaan diadakan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UTB 2025 dan disempurnakan oleh Menteri Pendidikan,

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, Pengerusi Majlis UTB yang juga selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo; Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman serta Ahli-ahli Majlis UTB yang lain.

>> Muka 6



DEKATI masyarakat melalui Program Muzakarah Penerangan

Muka 18



ILAL Majdi Wal 'Ula platform kokurikulum hadapi PSR

Muka 20



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Penasihat Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) menyebarkan sembah alu-aluan pada Majlis Perasmian Pameran Sirah Rasulullah Bagi Taman Mulia (Al-Rawdah Al-Sharifah) dan Rumah Nabi Muhammad (Al-Hujrah Al-Nabawiyyah) bertempat di BKISHHB, pada Khamis, 11 Rabiulawal 1447 / 4 September 2025 yang berlangsung di BKISHHB.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

Jadikan BKISHHB pusat pameran warisan ilmu Islam terunggul

DENGAN segala hormat dan penuh takzimnya, Hamba Duli Tuanku selaku Pengerusi Lembaga Penasihat dan mewakili Ahli-ahli Lembaga Penasihat Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), terlebih dahulu merakamkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan amat sukacita menjunjung kasih setinggi-tingginya atas kurnia perkenan Duli Tuanku berangkat bercemer duli ke Majlis Perasmian Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Taman Mulia (Al-Rawdah Al-Sharifah) dan Rumah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (Al-Hujrah Al-Nabawiyyah) di BKISHHB.

Keberangkatan Duli Tuanku ini mencerminkan keprihatinan Duli Tuanku dalam turut sama membesarkan junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam khususnya di bulan kelahiran Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, bulan Rabiulawal ini.

Disembahkan, Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mengetengahkan replika Al-Rawdah Al-Sharifah dan Rumah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (Al-Hujrah Al-Nabawiyyah) adalah merupakan pameran pertama seumpamanya yang dianjurkan oleh BKISHHB dengan kerjasama 'ILMA Sdn. Bhd. Pameran yang akan berlangsung selama lebih dua bulan, mulai hari ini sehingga 13 November 2025 akan menampilkan replika Rawdah yang ada di Masjid Nabawi di Madinah dan juga Rumah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang Baginda diami bersama Sayyidatina Aisyah Radiallahuanha.

Disembahkan, antara tujuan utama penganjuran pameran ini bukan sahaja setakat bertepatan dengan kedatangan bulan Rabiulawal, sebagai bulan di mana umat Islam memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kerana memperingati hari kelahiran Baginda, akan tetapi pameran ini juga bertujuan untuk menjadi salah satu wadah utama dalam memperkaya pengalaman para pengunjung serta memperluaskan ilmu pengetahuan yang bermanfaat, terutama dalam bidang sejarah dan tamadun Islam dan lebih-lebih lagi riwayat kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini kerana para pengunjung akan berpeluang untuk menyaksikan dan melihat sendiri gambaran yang mirip dan ada persamaan dengan keadaan tempat dan persekitaran semasa hayat Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Selain itu, para pengunjung juga akan berpeluang membaca maklumat yang dipaparkan dalam mendengarkan penjelasan yang diberikan oleh pencerita (*storyteller*) dari kalangan pegawai dan graduan yang mempunyai tauliah mengajar agama daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang ditugaskan memberikan penerangan di dalam galeri pameran.

Hamba Duli Tuanku seterusnya menyebarkan selain daripada pameran, program-program ilmiah dan aktiviti sampingan seperti jual-jualan termasuk penjualan buku-buku ilmiah, sesi ceramah oleh penceramah-penceramah dari dalam dan luar negeri, aktiviti penceritaan sejarah Islam, peraduan dan pertandingan juga akan diadakan sepanjang tempoh pameran.

Disembahkan, program ilmiah dan aktiviti tersebut adalah dengan penglibatan institusi-institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Mufti Kerajaan, Pusat Da'wah Islamiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang akan memberikan sokongan untuk menyerikan pameran ini dengan penjualan buku-buku agama serta penglibatan pegawai-pegawai yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang sejarah dan tamadun Islam, khususnya Sirah Nabawiyyah untuk mengetengahkan sejarah hidup Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kepada para pengunjung melalui program dan aktiviti yang bersesuaian sepanjang pameran ini nanti.

Selain dari program ilmiah dan aktiviti yang dinyatakan, agensi dan institusi tersebut juga turut terlibat dalam menyemak maklumat-maklumat berkaitan bahan pameran yang akan dikongsikan kepada orang ramai adalah berasal daripada sumber sejarah dan tafsiran yang telah disusun dan disemak dengan teliti berdasarkan riwayat sahih dan sumber ilmiah muktabar.

Inisiatif-inisiatif seumpama ini adalah bertepatan dengan titah-titah paduka ayahanda Duli Tuanku yang ingin melihat BKISHHB benar-benar menjadi Pusat Warisan Ilmu Islam, yang mampu untuk menghidupkan budaya ilmu melalui aktiviti-aktiviti keilmuan, dan baginda juga ingin melihat komitmen institusi-institusi pengajian tinggi bagi sama-sama menjayakan aktiviti dan program keilmuan tersebut.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
SEPTEMBER	RABIULAWAL									
MASIH	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17	RABU	24	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.19	7.28
18	KHAMIS	25	4.43	4.53	6.11	6.33	12.16	3.20	6.18	7.27
19	JUMAAT	26	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.18	7.27
20	SABTU	27	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.17	7.26
21	AHAD	28	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.26
22	ISNIN	29	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.25
23	SELASA	1	4.42	4.52	6.09	6.32	12.14	3.21	6.16	7.25
		RABIULAKHIR								

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU			
Bandar Seri Begawan	31 24 °C	30 24 °C	31 24 °C
Pekan Bangar	31 24 °C	30 24 °C	31 24 °C
Pekan Tutong	31 24 °C	30 24 °C	31 24 °C
Kuala Belait	31 24 °C	30 24 °C	31 24 °C

Wallahualam Bissawab
 Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 17 SEPTEMBER 2025

Bersihkan hati daripada sifat buruk sangka

SIFAT berburuk sangka merupakan salah satu penyakit hati yang sangat dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Ia bukan sahaja merosakkan hubungan sesama manusia, malah boleh membawa kepada dosa, fitnah dan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala serta mengakibatkan seksaan di akhirat kelak.

Buruk sangka bukan sahaja merosakkan hubungan sesama manusia, malah turut menjadi jalan bagi syaitan menimbulkan permusuhan, perpecahan dan kebencian dalam masyarakat. Ia adalah permulaan kepada kehancuran ukhuwah dan hilangnya keberkatan dalam hidup bermasyarakat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Abu Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "*Jauhilah oleh kamu prasangka kerana prasangka itu adalah sebohong-bohong perkataan*".

Jelaslah bahawa buruk sangka adalah dilarang keras di dalam Islam kerana ia mudah membawa kepada dusta, pemboghongan, fitnah dan permusuhan. Kita selaku Muslim wajib melatih hati dengan bersangka baik (*husnuzon*) serta memastikan setiap maklumat yang diterima ditapis melalui *tabayun* sebelum diterima atau disebarkan.

Ketahuilah bahawa hati yang dikuasai oleh penyakit buruk sangka dapat dikenali melalui tiga tanda yang jelas iaitu pertama : Dia mudah membuat andaian negatif tanpa bukti, selalu melihat kelemahan dan kekurangan orang lain daripada kebaikan mereka.

Kedua : Dia menolak kebaikan saudaranya, menganggap niat baik sebaik keburukan. Lalu terpedaya dengan bisikan syaitan dan kata-kata yang menyesatkan. Manakala yang ketiga : Hati dipenuhi dengan rasa curiga, sehingga menimbulkan permusuhan dan mencetuskan fitnah dalam masyarakat.

Demikian antara yang diutarakan dan ditekankan dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini di mana seterusnya, sifat berburuk sangka ini bukan sahaja memecahbelahkan persaudaraan bahkan meruntuhkan kepercayaan dan ikatan silaturahim dengan kebencian. Maka ubatilah hati dengan zikrullah, amal kebajikan dan dia yang ikhlas nescaya hati kita akan kembali tenang dan dipenuhi dengan kasih sayang.

Adakalanya sikap, percakapan atau tingkah laku kita walaupun tidak disengajakan boleh menimbulkan sangkaan buruk daripada orang lain. Perkara ini boleh berlaku di mana-mana sama ada di tempat kerja, dalam kehidupan berjiran bahkan dalam kalangan ahli keluarga sendiri.

Oleh itu, marilah kita sama-sama berusaha membersihkan hati daripada sifat buruk sangka dan mendidik jiwa dengan sikap baik sangka serta membina kerjasama berasaskan kasih sayang dan persaudaraan. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Meningkatkan kefahaman masyarakat kepentingan gerakan dakwah

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Acara diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Jawatankuasa Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI sempena Jubli Delima PDI.

Dalam ucapannya, seramai 91 peserta seminar yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan, swasta, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi serta perseorangan yang akan mengikuti seminar dakwah ini.

"Dengan adanya seminar ini,

akan dapat berkongsi ilmu, pengalaman, dan pandangan daripada tokoh-tokoh yang arif dalam bidangnya. Mudah-mudahan segala perbincangan yang berlangsung nanti akan melahirkan pendekatan-pendekatan baharu yang lebih berkesan, khususnya dalam mendepani cabaran digital, membimbing golongan belia serta memperluas jaringan dakwah kepada masyarakat keseluruhannya," jelasnya.

Majlis diteruskan dengan tayangan video perasmian dan kemudiannya sesi interaktif bersama Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat majlis.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

Seminar ini antara lain bertujuan untuk mencapai beberapa objektif utama antaranya meningkatkan kefahaman masyarakat akan kepentingan gerakan dakwah kepada Muslim dan Non-Muslim, di samping itu meneroka lebih banyak kaedah berkesan yang boleh diadaptasikan dalam perkembangan dakwah masa kini.

Sebanyak 12 kertas kerja akan dibentangkan sepanjang dua hari seminar diadakan. Tema utama seminar ialah 'Sinar Da'wah 40 Tahun di Negara Zikir : Cabaran dan Harapan'.

Tema tersebut dibahagikan kepada lima sub-tema iaitu 'Menelusuri 40 Tahun PDI'; 'Da'wah Digital'; 'Da'wah dan Belia'; 'Da'wah Kepada Non-Muslim di Pedalaman dan Bandar' dan 'Da'wah dan Personaliti Da'ie'.

Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI ini dibuka kepada orang ramai secara percuma, bermula pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang, namun pada hari pertama, pameran hanya akan mula dibuka kepada orang ramai bermula pukul 1.30 petang iaitu selepas upacara perasmian.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada perasmian Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun Pusat Da'wah Islamiah yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



جاہلیہ کا جیو لاپا بروني والى اسلام

BMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

PAMERAN RAIKAN 40 TAHUN PENUBUHAN PDI



Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 September. - Bersempena Sambutan Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah (PDI) yang ditubuhkan pada 1 Muharam 1406 Hijrah bersamaan 16 September 1985 Masihi, satu Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI telah diadakan bertempat di Lobi Utama, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi merasmikan pameran tersebut pada pagi tadi ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Pameran yang diadakan selama dua hari, bermula hari ini, 16 September 2025 dan Rabu, 17 September 2025 ini dibuka kepada orang ramai secara percuma, bermula pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Dengan adanya Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI ini akan dapat membawa para pengunjung untuk menjejaki sejarah penubuhan, perkembangan, pencapaian serta peranan PDI dalam usaha mengembangkan dan

memperkuhkan dakwah Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Antara segmen utama dalam pameran berkenaan yang terdiri dari Galeri Satu, mempamerkan 'PDI dalam Ristaan Sejarah' sekali gus menampilkan foto-foto dan dokumen lama sejak awal penubuhan.

Manakala dalam Galeri Dua mempamerkan 'Dakwah Dahulu dan Sekarang' turut melitinkan kepada para pengunjung mengenai perjalanan dakwah sepanjang empat dekad penubuhan PDI.

Galeri Tiga yang mempamerkan mengenai 'Impak Dakwah' pula

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat serta merasmikan pameran tersebut.

memperagakan empat dekad pencapaian yang mencerminkan usaha institusi ini dalam membentuk masyarakat beragama, berilmu dan berakhlak.

Di samping itu, pameran juga memuatkan reruai interaktif dan aktiviti kuiz spontan dengan hadiah menarik bagi para pengunjung.

Melalui pameran ini, ia diharap dapat memberi impak positif kepada warga PDI, menginspirasi generasi baharu untuk terlibat dalam kegiatan dakwah serta menyumbang kepada masyarakat, serta dijadikan sebagai pameran bergerak yang boleh diperkenalkan di pelbagai lokasi bagi meneruskan misi dakwah dan penyebaran ilmu, seterusnya menyemarakkan semangat dakwah ke seluruh pelusuk negara.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, ketika menyempurnakan perasmian Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI berkenaan juga melancarkan Buku 'Sinar Da'wah 40 Tahun di Negara Zikir'.

Buku penerbitan istimewa ini mendokumentasikan perjalanan

dan pencapaian PDI sebagai sebuah institusi yang berperanan dalam pembangunan dan penyebaran agama Islam di NBD.

Sepanjang empat dekad penubuhannya, PDI sentiasa giat berusaha dalam memperkuhkan kefahaman Islam berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Syafii melalui pendekatan holistik dan sistematik.

Buku ini menghimpunkan sorotan sejarah penubuhan, transformasi struktur, pencapaian utama, serta inisiatif dakwah yang telah dijalankan dalam pelbagai bentuk, sama ada melalui ceramah, kursus, penerbitan, mahupun kerjasama jabatan di dalam dan luar negara.

Dalam masa yang sama buku ini turut memuatkan pandangan dan pengalaman dari mantan pegawai PDI yang telah terlibat secara langsung dalam usaha dakwah sepanjang tempoh tersebut.

Diharap Buku 'Sinar Da'wah 40 Tahun di Negara Zikir' ini dapat menjadi sumber rujukan yang berharga kepada para pendakwah, warga PDI dan masyarakat umum dalam memahami sejarah perkembangan dakwah di negara ini serta cabaran dan aspirasi di masa hadapan.

Ia juga satu manifestasi komitmen berterusan PDI dalam memartabatkan syiar Islam dalam menyatukan ummah dan menyemai nilai-nilai keislaman yang sejati dalam masyarakat.

KHEDN SEMARAKKAN SAMBUTAN MAULUD NABI



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi Peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya serta diteruskan dengan Majlis Penghargaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 September. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi Peringkat KHEDN dan Jabatan-jabatan di Bawahnya kelolaan Jabatan Penjara bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 6, bangunan kementerian berkenaan di ibu negara.

Acara juga diselenggarakan dengan Majlis Penghargaan bagi Pegawai-pegawai dan Kakitangan KHEDN dan Jabatan-jabatan di Bawahnya yang Bersara bagi Tahun 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Guru Ugama Institusi Penjara Maraburong Fasa 3, Awang Muhd. Yusri bin Othman dan diikuti dengan Ceramah Khas

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hasif Matzin

bertajuk 'Kelebihan Selawat, Raih Syafaat' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman bin Haji Salim.

Sejurus itu, majlis diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian sijil-sijil dan plak kepada seramai 124 orang pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah bersara bagi Tahun 2024 dan penyampaian cenderamata kepada penceramah yang disempumakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447H / 2025M diadakan sebagai wadah bagi mengeratkan hubungan silaturahmi

antara sesama pegawai dan kakitangan, di samping sama-sama memohon keberkatan serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan meningkatkan lagi rasa kecintaan kepada Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sementara itu, Majlis Penghargaan bagi Pegawai-pegawai dan Kakitangan KHEDN dan Jabatan-jabatan di Bawahnya yang Bersara bagi Tahun 2024 diadakan bagi menghargai jasa baik serta sumbangan ikhlas pegawai-pegawai dan kakitangan di sepanjang mereka berkhidmat di KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Menggerakkan strategi mampan dalam penjagaan anak-anak damit

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Kementerian Kesihatan



TEMA Hari Keselamatan Pesakit Sedunia pada tahun ini ialah 'Penjagaan Yang Selamat Untuk Setiap Anak Damit Yang Baru Lahir dan Setiap Kanak-kanak' dengan membawa slogan 'Keselamatan Pesakit Sejak Dari Awal'.

>> Muka 1

Setiap tahun, jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Hari Keselamatan Pesakit Sedunia (World Patient Safety Day) diraikan pada setiap 17 September di seluruh dunia. Tema Hari Keselamatan Pesakit Sedunia pada tahun ini ialah 'Penjagaan Yang Selamat Untuk Setiap Anak Damit Yang Baru Lahir dan Setiap Kanak-kanak' dengan membawa slogan 'Keselamatan Pesakit Sejak Dari Awal'.

Tema dan slogan ini tambah Yang Berhormat, menekankan kepentingan untuk meningkatkan langkah-langkah yang lebih tegas dalam melindungi anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak dari sebarang kecederaan semasa mendapatkan rawatan atau penjagaan dengan berusaha untuk menghapuskan atau mengelakkan apa jua bentuk kemudaratan dalam penjagaan anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak.

Menurut Yang Berhormat lagi, objektif Hari Keselamatan Pesakit Sedunia pada tahun ini ialah meningkatkan kesedaran global mengenai risiko keselamatan dalam penjagaan anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak di semua peringkat penjagaan kesihatan, dengan memfokuskan khusus kepada keperluan kanak-kanak, keluarga dan penjaga.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi menggerakkan pihak kerajaan, organisasi-organisasi penjagaan kesihatan, badan-badan profesional dan masyarakat untuk melaksanakan

strategi yang mampan dalam memberikan penjagaan yang lebih selamat kepada anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak sebagai sebahagian daripada inisiatif-inisiatif keselamatan pesakit dan kualiti.

Dalam masa yang sama, ia adalah bagi memperkasakan peranan ibu bapa dan penjaga tentang keselamatan anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak dengan mempromosikan pendidikan, kesedaran dan penyertaan yang aktif dalam penjagaan kesihatan dan menyokong usaha untuk memperkukuhkan penyelidikan mengenai keselamatan pesakit dalam penjagaan anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak.

Yang Berhormat seterusnya berkata, sebagai sebuah negara yang mengutamakan kesejahteraan rakyat dan penduduknya, Negara Brunei Darussalam (NBD) sangat komited dalam memastikan kualiti sistem penjagaan kesihatan anak-anak yang baru lahir dan kanak-kanak mudah diakses (*universal access*), berkualiti tinggi dan selamat.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan terang Yang Berhormat, akan sentiasa meneliti dan mempertingkatkan sistem penjagaan kesihatan di negara ini dengan pengemaskinian pelaksanaan dasar-dasar, garis panduan dan prosedur-prosedur selaras dengan perkembangan semasa dengan mematuhi piawaian kesihatan yang tinggi.

"Kementerian Kesihatan juga menerapkan budaya keselamatan (*safety culture*) yang berterusan sebagai salah satu cara dalam mencegah kemudaratan kepada pesakit dengan memastikan setiap suara adalah didengar dan setiap kesilapan dijadikan pengajaran.

"Ini bukan sahaja dapat mencegah kemudaratan dengan lebih berkesan malahan dapat menjana perkhidmatan yang lebih cekap dan selamat," ujar Yang Berhormat.

Sehubungan itu juga tambah Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan akan terus mengukuhkan strategi-strategi kebangsaan bagi memastikan sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi dan selamat untuk semua lapisan masyarakat di negara ini seperti berikut iaitu memperkasakan amalan klinikal mengikut piawaian antarabangsa bagi mencegah bahaya dari berlaku dan memperkasakan ibu bapa serta penjaga dengan pengetahuan yang cukup kerana mereka memainkan peranan yang penting dalam penjagaan kesihatan anak-anak mereka.

Seterusnya, meningkatkan komunikasi dan kerjasama di antara ahli-ahli profesional kesihatan, dengan menyedari bahawa pendekatan sedemikian adalah penting bagi mencegah sebarang kesilapan dan memanfaatkan teknologi dan data, termasuk aplikasi kesihatan kebangsaan, bagi meningkatkan pemantauan dan pengesanan awal risiko, sekali gus memastikan kanak-kanak dan anak-anak damit yang baru lahir menerima penjagaan yang tepat pada masa yang sesuai.

"Keselamatan kanak-kanak dan anak-anak damit yang baru lahir adalah merupakan salah satu pelaburan untuk masa depan negara. Dengan kerjasama daripada semua pihak yang terdiri daripada sektor kerajaan, sektor swasta, keluarga dan semua lapisan masyarakat, setentunya kita akan dapat membina budaya keselamatan untuk melindungi anak-anak damit yang baru lahir dan kanak-kanak dan seterusnya membantu dan membawa mereka untuk berkembang maju.

"Oleh itu, marilah kita sama-sama menghayati tema dan objektif Hari Keselamatan Pesakit Sedunia pada tahun ini untuk memastikan generasi masa depan mempunyai kesihatan yang sihat, selamat dan sejahtera," jelas Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

Majlis Perhimpunan Khas Wanita, 18 September



**MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA
SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD
SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM
TAHUN 1447 HIJRAH**

سُبْحَانَكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ
أَدَالَهُ تَلَادِنُ كَلَوَارِكُ سَكِينَةِ مَوْدَّةٍ وَرَحْمَةٍ

**Tema: Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam
Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah**

٢٥ ربيع الأول ١٤٤٧ هـ برسماعن ١٨ سبتمبر ٢٠٢٥
برمقت: رويال برکشير هولـ جروودغ

**25 Rabiulawal 1447H bersamaan 18 September 2025M
Bertempat: Royal Berkshire Hall, Jerudong**

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal
Ugama**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 September. - Bagi sama-sama mengagungkan kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menyuburkan kecintaan terhadap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui penghayatan sunnah dan akhlak Baginda di samping memupuk ukhuwah Islamiah dan semangat kebersamaan dalam kalangan kaum wanita, Majlis Perhimpunan Khas Wanita bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah akan diadakan pada Khamis, 25 Rabiulawal 1447H bersamaan 18 September 2025 Masihi bertempat di Royal Berkshire Hall, Jerudong, mulai pukul 9.00 pagi.

Antara pengisian majlis ialah persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Dikir Marhaban, Ceramah Khas dan Persembahan Selawat.

Tema bagi Majlis Perhimpunan Khas Wanita bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1447H ialah 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah'.

Majlis pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Bank Islam Brunei Darussalam dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Marilah kita bersama-sama memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, semoga kita semua dikurniakan keberkatan dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

MEMBANGUNKAN, MENGAMALKAN AMALAN TERBAIK KESELAMATAN SIBER



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam ucapannya semasa Persidangan Keselamatan Siber Brunei (CySec) Ke-3, 2025.

mana semua orang memahami risiko dan cara mengurangkannya. "Ini bukan hanya tugas profesional IT tetapi ia adalah tanggungjawab bersama," ujar Yang Berhormat lagi.

Tambah Yang Berhormat, bagi individu, menjadi celik siber bermakna mengiktiraf percubaan pancingan data, melindungi data peribadi dan berfikir dua kali sebelum mengklik atau berkongsi sesuatu. Tabiat ini bukan sahaja melindungi diri kita tetapi juga keluarga kita.

Bagi masyarakat terang Yang Berhormat, ini bermakna membina budaya kewaspadaan di institusi pendidikan, tempat kerja, komuniti dan institusi lain.

Dalam masyarakat pintar siber kata Yang Berhormat, semua orang memainkan peranan dan keselamatan siber bukanlah tanggungjawab segelintir pakar tetapi ia adalah kewajipan kita semua.

Untuk membina masyarakat sedemikian tekan Yang Berhormat, memerlukan usaha berterusan dan

penyertaan semua pihak dan untuk mencapainya, kita perlu mewujudkan pendidikan keselamatan siber yang menyeluruh di sekolah, tempat kerja dan komuniti.

Pendidikan ini tegas Yang Berhormat, hendaklah mengikut peringkat umur dan menumpukan pada kemahiran praktikal, iaitu mengenal pasti penipuan *phishing*, pengurusan kata laluan, memahami tetapan privasi, serta mengenal pasti dan melaporkan aktiviti mencurigakan.

Tambah Yang Berhormat lagi, kerjasama juga penting, kerana pihak kerajaan, industri, akademia dan orang awam mesti bekerjasama dengan berkongsi maklumat ancaman, membangunkan dan mengamalkan amalan terbaik keselamatan siber termasuk teknologi baharu, dan menyelaras tindak balas insiden.

Terdahulu itu, Yang Berhormat menyatakan acara pada hari ini menandakan edisi ketiga Persidangan CySec dan sejak penganjurannya, persidangan berkenaan telah berkembang dari segi topik yang dibincangkan dan telah menarik penyertaan pihak-pihak yang semakin berminat, baik dari dalam mahupun luar negara, dalam isu

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

keselamatan siber.

Menurut Yang Berhormat lagi, persidangan berkenaan telah membuktikan kepentingannya kerana ia memberi peserta maklumat berharga mengenai ancaman keselamatan siber yang semakin muncul.

Para peserta tambah Yang Berhormat, akan memperoleh pengetahuan terkini tentang risiko keselamatan siber yang terus berubah, dengan tujuan agar mereka dapat melindungi sistem masing-masing daripada penjenayah siber dengan lebih baik.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, perbincangan

daripada persidangan lalu, yang merangkumi topik-topik seperti rangka kerja kawal selia, perlindungan data, teknologi pertahanan siber dan membina kumpulan bakat keselamatan siber, mereka kini bergerak kepada tema tahun ini, 'Beyond Protection : Empowering a Cyber-Smart Society'.

Tema berkenaan jelas Yang Berhormat lagi, mengingatkan kita bahawa keselamatan siber bukan lagi sekadar menangkis ancaman kerana ia adalah mengenai memupuk tahap pengetahuan yang tepat, membina ketahanan, dan memberi keyakinan kepada orang ramai untuk membuat pilihan yang bijak dalam talian.

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak terkecuali, seiring kemajuan teknologi, tahap kecanggihan dan skala serangan juga meningkat dan kita tidak boleh hanya bergantung kepada *firewalls* dan perisian antivirus, kerana perlindungan secara reaktif tidak lagi mencukupi.

"Jadi, apakah maksud memperkasa masyarakat celik siber? Ini bermakna melengkapkan setiap warganegara dengan pengetahuan, kemahiran dan kesedaran untuk mengemudi dunia digital dengan selamat dan bertanggungjawab.

"Ini bermakna beralih daripada sikap pasif yang hanya bergantung pada pakar kepada peranan aktif di

Mewujudkan dunia digital selamat, inovatif, makmur untuk semua

GADONG, Isnin, 15 September. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha berkata, Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber dan ahli-ahlinya, termasuk Keselamatan Siber Brunei (Cyber Security Brunei - CSB) sebagai agensi keselamatan siber kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD), kekal teguh dalam memastikan Infrastruktur Maklumat Kritikal kita dilindungi dan kekal selamat.

Dalam ucapannya semasa Persidangan Keselamatan Siber Brunei (CySec) Ke-3, 2025, yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, CSB memainkan peranan yang pelbagai dan penting dalam keselamatan siber, merangkumi perlindungan, peraturan, kerjasama dan hubungan antarabangsa.

Ke arah ini, tambah Yang Berhormat, CSB terus meningkatkan dan memperkukuh keupayaan mereka, termasuk usaha memperkenalkan platform NexGen Security Intel (NSI) ke dalam rangkaian mereka, yang mana sistem generasi baharu berkenaan akan mempertingkatkan pelaporan, pemantauan dan pengawasan.

CSB juga ujar Yang Berhormat, sedang menyediakan garis panduan tambahan baharu untuk pemilik Infrastruktur Maklumat Kritikal, ini termasuk Garis Panduan Keselamatan Teknologi Operasi (Operational Technology Security Guidelines), Garis Panduan Dasar Keselamatan Awan untuk CII (Cloud Security Policy Guidelines for CII), dan Kod-kod Amalan (Codes of Practices) yang dikemas kini.

Jelas Yang Berhormat lagi, CSB

turut bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak dalam usaha memerangi penipuan dalam talian dan penipuan digital, antaranya termasuk operasi Pusat Anti-Scam yang diketuai oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama CSB, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), dan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sebagai pemain utama.

"Sehubungan ini, PPDB juga telah melancarkan 'Anti-Scam Helpline 16993', lewat bulan lepas, 30 Ogos 2025 dan talian bantuan berfungsi sebagai pusat panggilan bantuan pertama untuk mangsa atau sesiapa sahaja yang mengesyaki mereka telah ditipu.

"Selain itu, pelancaran Waspada.BN pada awal tahun ini, iaitu platform semakan fakta berbilang agensi berasaskan Instagram semasa yang diuruskan oleh AITI berkaitan penipuan dan maklumat salah, adalah contoh organisasi diberi kuasa untuk melakukan sesuatu.

"Tindakan itu penting, walau sekecil mana pun, ia memberi perbezaan dalam membantu orang ramai melindungi diri," ujar Yang Berhormat lagi.

Dengan semua pihak berganding bahu dengan memperkasa diri kita dan sesama sendiri tekan Yang Berhormat, mereka boleh mewujudkan dunia digital yang bukan sahaja selamat tetapi juga inklusif, inovatif dan makmur untuk semua.

Masyarakat yang celik siber menurut Yang Berhormat, kurang berisiko menjadi mangsa serangan siber, sekali gus mengurangkan risiko keseluruhan.

Persekitaran digital yang selamat tambah Yang Berhormat, menggalakkan inovasi, pelaburan dan pertumbuhan ekonomi, di mana perniagaan lebih yakin untuk beroperasi secara dalam talian,

dan pengguna lebih bersedia untuk melibatkan diri dalam e-Dagang.

Kepercayaan terhadap dunia digital juga kata Yang Berhormat, akan mendorong orang ramai mengakses perkhidmatan penting secara dalam talian kerana mereka berasa selamat dan dapat memupuk perpaduan sosial.

"Ringkasnya, masyarakat celik siber ialah masyarakat yang bertanggungjawab, bijak dan selamat dalam talian.

"Membina masyarakat celik siber adalah satu perjalanan, bukan destinasi dan ia memerlukan usaha berterusan, pelaburan dan komitmen daripada kita semua.

"Inisiatif seperti persidangan ini memainkan peranan penting dalam memahami cabaran yang semakin meningkat dalam melindungi aset digital dan maklumat sensitif," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan acara sebegini menghimpunkan pakar untuk berkongsi pengetahuan, meneroka teknologi baharu dan bekerjasama dalam strategi pertahanan berkesan terhadap ancaman siber yang berkembang, dan ia penting untuk memastikan organisasi kekal selamat dan berdaya tahan.

Oleh itu, Yang Berhormat berharap semua peserta dapat berkongsi pandangan, menjalin hubungan, mengambil ilmu yang diperoleh dan menterjemahkannya kepada tindakan sebaik sahaja meninggalkan persidangan berkenaan.

"Marilah kita tinggalkan di sini bukan sekadar dengan ilmu, tetapi dengan inspirasi, untuk membina masa depan di mana keselamatan siber memperkasa kemajuan untuk semua.

"Sempadan digital menuntut kewaspadaan, inovasi, dan tindakan kolektif kita bersama," ujar Yang Berhormat lagi.

Mempromosi kesedaran keselamatan siber, celik digital



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi bergambar ramai pada Majlis Pelancaran CySec Ke-3, 2025.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Isnin, 15 September. - Persidangan dan Pameran Keselamatan Siber Brunei (CySec) Ke-3, 2025 dianjurkan bagi tujuan mempromosi kesedaran keselamatan siber dan celik digital; dan mempamerkan penyelesaian serta strategi keselamatan siber yang inovatif.

Di samping itu, ia juga diadakan bagi tujuan untuk memupuk kerjasama rentas sektor dan pembinaan komuniti; dan meneroka ancaman baharu serta memperkasa tindakan proaktif.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran CySec Ke-3, 2025, berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini, yang mana acara berkenaan menandakan satu pencapaian penting dalam memajukan kerjasama dan perkongsian ilmu di seluruh rantau Asia Tenggara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, merangkap menteri yang bertanggungjawab ke atas keselamatan siber.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pesuruhjaya Interim Cyber Security Brunei (CSB), Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan diikuti dengan majlis pelancaran acara berkenaan.

Pada majlis tersebut, beberapa pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) juga diadakan, yang mana kerjasama strategik berkenaan mewakili pendekatan menyeluruh untuk memperkukuh keupayaan keselamatan siber melalui pendidikan, pemindahan teknologi dan inovasi kolaboratif.

ITPSS Sdn. Bhd. (ITPSS) memeterai beberapa perkongsian penting, bermula dengan perjanjian bersama Politeknik Brunei, diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif ITPSS, Azman Iskandar bin Ariffin; dan Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman.

UTB RAIKAN PENCAPAIAN PELAJAR, KECEMERLANGAN STAF



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyampaikan anugerah kepada penerima.

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Naib Canselor UTB. Dalam ucapannya, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah menekankan bahawa anugerah hari ini adalah untuk meraikan dan mempromosikan budaya kecemerlangan di universiti.

"Sepertimana jua yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UTB dalam Majlis Konvokesyen Ke-12 pada 7 September 2024 agar pihak UTB menyediakan tenaga pengajar yang berkualiti tinggi untuk keberkesanan keseluruhan

sistem pendidikan," tegasnya.

Beliau juga berharap pengiktirafan ini akan memotivasikan penerima-penerima lebih jauh dan memberi inspirasi dan contoh kepada yang masih belajar di UTB.

Tambahnya lagi, penerima-penerima dalam kalangan siswazah akan bergelar duta dan beliau berharap sebagai duta, mereka akan membawa imej positif kepada UTB serta akan terus menjadi individu yang cemerlang dalam kerjaya dan sentiasa memberi sumbangan kepada pembangunan masyarakat.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Staf (Staff Excellence Award - SEA) yang mengiktiraf pencapaian cemerlang dalam pengajaran, penyelidikan serta pentadbiran dalam kalangan staf akademik dan bukan akademik.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Sebanyak 18 orang warga UTB menerima anugerah berkenaan yang meliputi kategori Teaching Excellence Award, Research Excellence Award, Administrative Excellence Award serta Special Mention Award.

Penerima utama menerima plak kenangan, sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak BND1,000, manakala penerima Special Mention menerima sijil penghargaan.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Anugerah Kecemerlangan Siswazah kepada graduan yang bukan sahaja berjaya menamatkan pengajian, bahkan cemerlang dalam bidang masing-masing.

Antara penerima utama ialah graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Komunikasi, Dayang Basma Lachkar, yang juga menerima Pingat Canselor UTB atas pencapaian cemerlangnya dalam bidang akademik dan sukan.

Beliau juga merupakan Atlet Wushu Kebangsaan yang pernah mewakili negara ke kejohanan serantau dan antarabangsa, sekali gus mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, turut disampaikan ialah Anugerah Penerbitan, Anugerah Dekan, Anugerah Passport Pencapaian Pelajar (Student Achievement Passport - SAP) serta Anugerah Pilihan Orang Ramai bagi UTB Project Showcase 2025.

Seramai 55 pelajar menerima

Anugerah Senarai Dekan sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik cemerlang mereka, manakala 12 pelajar menerima Anugerah Kokurikulum termasuk kategori Khidmat Masyarakat, Anugerah Keagamaan (Lelaki dan Perempuan), Anugerah Budaya, serta Anugerah Olahragawan dan Olahragawati UTB.

Bagi Kategori Inovasi, seramai 11 penerima diraikan melalui Anugerah Pilihan Orang Ramai

hasil sumbangan mereka dalam UTB Project Showcase 2025. Majlis tersebut turut mendapat sokongan daripada pelbagai penaja termasuk kedutaan, institusi kewangan, syarikat minyak dan gas, sektor industri serta syarikat tempatan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, Anugerah Kecemerlangan Staf menjadi acara tahunan bagi menghargai sumbangan warga akademik dan bukan akademik dalam menjayakan misi serta hala tuju strategik UTB.



Mempromosi kesedaran keselamatan siber, celik digital

Oleh : Haniza Abdul Latif

>> Muka 5

Kerjasama berkenaan bertujuan merapatkan jurang kemahiran dalam keselamatan siber dengan menyediakan pengalaman praktikal kepada pelajar dalam teknik pertahanan siber dan teknologi baharu.

Seterusnya, ITPSS menandatangani perkongsian dengan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), diwakili oleh Azman Iskandar; dan Pengarah Pendidikan Teknikal / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Perkongsian berkenaan merangkumi inisiatif penyelidikan bersama, pertukaran pelajar dan pensyarah, serta pembangunan makmal keselamatan siber khusus. Setelah itu, ITPSS menandatangani perjanjian dengan Cybersafe BN Sdn. Bhd., diwakili oleh Azman Iskandar; dan Ketua Pegawai Eksekutif Cybersafe, Republik Singapura, Dave Gurbani.

Kerjasama rentas sempadan berkenaan memfokuskan pembangunan rangka kerja pematuhan, pembinaan keupayaan dan kapasiti, pengauditan dan pensijilan, menandakan langkah penting ke arah mewujudkan pendekatan serantau yang bersatu menghadapi cabaran keselamatan siber.

Sementara itu, Deloitte turut memeterai kerjasama dengan

ITPSS dengan visi bersama untuk memajukan landskap tenaga kerja siber negara melalui pengenalanpastian keperluan baharu, jurang kemahiran dan penyediaan platform pembangunan keupayaan insan dalam bidang siber.

MoU berkenaan mencerminkan komitmen untuk memperkukuh keupayaan keselamatan siber, menyokong transformasi digital dan menyumbang kepada daya tahan serta kemajuan jangka panjang Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perjanjian berkenaan dimeterai oleh Pemimpin Negara Deloitte NBD, Zulfariq Zara Zainuddin, dengan kehadiran Pemimpin T&T Deloitte Brunei, Azmi Abdul Rahman Ibrahim; dan Azman Iskandar Ariffin.

Dalam perkembangan penting, Persatuan Keselamatan Siber Brunei (Brunei Cyber Security Association-BCSA) menjalin dua kerjasama strategik, iaitu pertama bersama Progresif Sdn. Bhd., diwakili oleh Presiden BCSA, Awang Mohammad Azad Zaki bin Haji Mohd. Tahir, dan Naib Presiden Progresif Sdn. Bhd., Awang Mohd. Fahmi bin Mahusin.

Kerjasama berkenaan memperkukuh komuniti keselamatan siber NBD dengan memperluas keupayaan Advanced Security Operations Centre (SOC) Progresif melalui Cyber Threat Intelligence (CTI).

Kerjasama penting BCSA yang lain adalah dengan Digital Defence Alliance Singapore (DDAS), diwakili

oleh BCSA, dan, Ketua Pegawai Eksekutif Cybersafe, Republik Singapura, selaku Ahli Majlis DDAS.

Kerjasama berkenaan merangkumi pertukaran pengetahuan berkaitan Kecerdasan Buatan (AI), keselamatan siber, pertahanan, penganjuran acara bersama dan promosi organisasi.

Majlis turut menyaksikan pemeteraian perjanjian antara Cybersafe, Republik Singapura dan Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Negara Cybersafe, Mohammed Eisa bin Haji Mohammad; dan Ketua Pegawai Digital UNN, Heiko Trost.

Kerjasama berkenaan bertujuan memperkukuh kedudukan keselamatan siber UNN di NBD melalui pembangunan keupayaan SOC, latihan tenaga kerja, pembinaan jenama dan pengembangan perkhidmatan komersial termasuk SOC-as-a-Service dan penyelesaian pematuan.

Majlis kemudian diikuti dengan penyampaian Sijil Singapore Cyber Essentials oleh Agensi Keselamatan Siber Republik Singapura dan GICG kepada empat individu yang menunjukkan komitmen cemerlang terhadap pematuan dan amalan terbaik keselamatan siber.

Penyampaian sijil berkenaan menjadi pengiktirafan terhadap pencapaian semasa serta galakan untuk terus cemerlang dalam

amalan keselamatan siber.

Penerima sijil ialah Pengarah Asia Inc Forum, Theodore Ong; Ketua Negara, Asia Inc Forum, Pengiran Hanna binti Pengiran Hassanal; Pegawai IT Kanan, Bandtree Sdn. Bhd., Awang Zakaria bin Mohamad Nor dan Pengarah/Perunding Utama, Swarmnetics (B) Sdn. Bhd., Izdihar bin Sulaiman.

Majlis juga diteruskan dengan uaputama oleh Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Malaysia, Ir. Dr. Megat Zuhairy Megat Tajuddin, dan diakhiri dengan lawatan Yang Berhormat ke pameran persidangan.

Pameran berkenaan mempamerkan penyelesaian keselamatan siber termaju, teknologi inovatif dan perkhidmatan daripada penyedia industri terkemuka. Ia memberi peluang kepada para hadirin untuk merasai secara langsung peralatan dan platform keselamatan siber terkini, sekali gus memudahkan dialog bermakna antara penyedia penyelesaian dan bakal pelanggan.

CySec 2025 ialah Persidangan dan Pameran Keselamatan Siber tahunan yang dianjurkan bersama oleh CSB dan BCSA. Sejak bermula pada 2023, ia menjadi persidangan keselamatan siber terkemuka yang didedikasikan untuk memajukan pengetahuan keselamatan siber serta memupuk kerjasama dalam

komuniti keselamatan global.

Acara komprehensif berkenaan menghimpunkan pemimpin industri, penyelidik, pengamal dan pembuat dasar untuk meneroka perkembangan terkini dalam keselamatan siber melalui pembentangan uaputama, sesi teknikal dan bengkel interaktif.

Melengkapi program persidangan berkenaan ialah pameran yang menampilkan organisasi dan institusi daripada seluruh ekosistem keselamatan siber, mempamerkan penyelesaian keselamatan termaju, program penyelidikan inovatif dan teknologi baharu yang direka untuk menangani ancaman siber paling mendesak masa kini.

Pameran berkenaan memberi para hadirin peluang berharga untuk meneroka alatan baharu, berinteraksi secara langsung dengan penyedia penyelesaian, dan membina kerjasama yang dapat mengukuhkan kedudukan keselamatan siber mereka.

Persidangan berkenaan merupakan edisi ketiga, dengan tema tahun ini 'Beyond Protection : Empowering a Cybersmart Society'. Tema berkenaan menekankan pembinaan ketahanan digital secara kolektif melalui pendidikan, kesedaran dan kerjasama; mengubah individu menjadi pembela aktif yang menyumbang kepada masyarakat yang selamat, berpengetahuan dan berdaya.

Rasulullah contoh terbaik dalam aspek kehidupan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 September. - Kementerian Pendidikan petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Dewan Utama, kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Peperiksaan, Awang Mohamad Hazmi bin Haji Ahmad Daud; diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Kecintaan Para Sahabat Kepada Rasulullah : Antara Bukti Kecerdasan Emosi Rasulullah dalam Pendidikan' yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Dayang

Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah dalam ceramahnya menekankan bahawa dalam dunia masa kini, anak-anak muda sering terdorong untuk mencontohi *influencer* (pempengaruh) dari luar negara, khususnya dari Barat dan Republik Korea.

Hal ini katanya, menyebabkan mereka lebih cenderung menjadi *wannabe* kepada budaya luar yang tidak sesuai dengan jati diri.

Namun, beliau menegaskan bahawa Islam telah menyediakan teladan paling sempurna melalui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang seharusnya menjadi ikutan dalam semua aspek kehidupan.

Menurutnya lagi, kelemahan memahami dan menghayati sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi punca mudahnya masyarakat terikut budaya luar, sedangkan pepatah

menyebut: 'Tak kenal maka tak cinta'.

Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah seterusnya menjelaskan bahawa sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar tinta sejarah, tetapi panduan hidup yang memperlihatkan keindahan akhlak dan budi pekerti yang patut diteladani, lebih daripada mana-mana *influencer* dunia.

Acara sambutan turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban oleh kumpulan dikir yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Majlis berkenaan merupakan antara acara Hari-hari Kebesaran Islam yang diraikan setiap tahun oleh Kementerian Pendidikan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta untuk menzahirkan rasa kecintaan kepada Junjangan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Bagi tahun ini, majlis sambutan membawa tema 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Kementerian Pendidikan.

Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - perkhidmatan; Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan; serta Pusat Sains, Teknologi dan

Alam Sekitar (STEP). Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Rektor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai serta kakitangan Kementerian Pendidikan.

MEMPERKUKUH PERANAN PENDAKWA RAYA MENEGAKKAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 September. - Negara-negara ASEAN merayakan satu pencapaian bersejarah dengan Penandatanganan Deklarasi Sanur Bali, yang secara rasminya menubuhkan ASEAN Prosecutors / Attorneys General Meeting (APAGM).

Badan baharu ini akan menjadi tonggak penting bagi kerjasama perundangan serantau, memperkukuh peranan Pendakwa Raya / Pejabat Peguam Negara dalam menegakkan kedaulatan undang-undang, menyampaikan keadilan menyeluruh serta melindungi kepentingan awam di seluruh Asia Tenggara.

Majlis penandatanganan tersebut telah diadakan pada 15 September 2025 di Bali, Indonesia, dan dihadiri oleh Peguam Negara serta Pendakwa Raya dari Negara-negara Anggota ASEAN, termasuk Peguam Negara dan Pendakwa Raya Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib dan Pegawai-pegawai Pendakwa Raya Kanan Pejabat Peguam Negara.

Di bawah Deklarasi Sanur Bali,

APAGM diiktiraf sebagai sebuah Badan Peringkat Menteri Sektor ASEAN, yang akan berfungsi sebagai platform penting untuk kerjasama antara pihak berkuasa pendakwaan Negara-negara Anggota ASEAN.

Ia bertujuan meningkatkan pembangunan kapasiti, memudahkan cara perkongsian maklumat, dan menyelaraskan usaha menangani jenayah rentas negara serta menegakkan kedaulatan undang-undang di rantau ini.

Jenayah rentas negara kekal sebagai salah satu cabaran paling mendesak di rantau ini, merangkumi antaranya, perdagangan orang, perdagangan dadah haram, pengubahan wang haram, jenayah siber dan kesalahan-kesalahan alam sekitar.

Tambahan pula, kebangkitan ancaman baharu seperti penyalahgunaan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence), serangan siber berteknologi tinggi dan penyebaran maklumat palsu, menekankan lagi keperluan tindak balas perundangan serantau yang diselarasakan.

APAGM akan menyediakan satu mekanisme rasmi bagi penyelarasan dan kerjasama



YANG Berhormat Peguam Negara dan Pendakwa Raya Negara Brunei Darussalam semasa bergambar ramai pada Majlis Penandatanganan Deklarasi Sanur Bali (atas dan bawah kiri).

pendakwaan, sekali gus memperkukuh infrastruktur perundangan ASEAN serta meningkatkan keupayaannya dalam menangani ancaman jenayah yang kian berkembang.

Ia akan bekerjasama rapat dengan Badan-badan Peringkat Menteri Sektor ASEAN yang sedia ada, seperti Mesyuarat Menteri Undang-undang ASEAN (ALAWMM), Mesyuarat Menteri / Peguam Negara ASEAN bagi Pihak Berkuasa Pusat mengenai Bantuan Perundangan Bersama Dalam Perkara Jenayah (AMAG-MLAT) serta entiti-entiti lain yang berkaitan dengan ASEAN.

Deklarasi Sanur Bali in merupakan kemuncak daripada siri mesyuarat perundingan antara Pejabat Peguam Negara dan Pendakwa Raya Negara dari Negara-negara Anggota ASEAN.

APAGM akan disokong oleh ASEAN Senior Officials' Meeting of Prosecutors / Attorneys General (SOM-APAGM), bagi memastikan kesinambungan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik.

HALUAN

>> Muka 2

Selain itu, baginda juga melihat akan kepentingan bagi BKISHHB membina kolaborasi atau kerjasama dengan pelbagai sektor, baik bersama agensi-agensi kerajaan mahupun bersama pihak swasta, sebagai usaha untuk menjadikan BKISHHB sebuah pusat khazanah ilmu yang akan mampu menarik kerjasama dan pengunjung dari dalam serta luar negeri. Baginda berpandangan bahawa membina kolaborasi atau kerjasama dengan pelbagai pihak akan memberikan impak yang signifikan kepada imej BKISHHB, dan juga kepada usaha untuk memastikan BKISHHB dapat beroperasi secara mampan (*sustainable*) untuk jangka masa panjang.

Alhamdulillah, melalui bimbingan dan nasihat Lembaga Penasihat BKISHHB yang memberikan hala tuju strategik, Hamba Duli Tuanku melihat BKISHHB dengan usaha-usaha yang dilaksanakan, termasuk dengan penganjuran Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Taman Mulia (Al-Rawdah Al-Sharifah) dan Rumah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (Al-Hujrah Al-Nabawiyah) ini telah mula bergerak menuju kepada apa yang dihasratkan oleh paduka ayahanda Duli Tuanku untuk menjadikan BKISHHB sebagai pusat pameran yang unggul dan pusat khazanah ilmu, khususnya yang berkaitan dengan sejarah ketamadunan dan kegemilangan Islam.

Sebelum berundur diri, *abis* Hamba Duli Tuanku, mewakili Ahli-ahli Lembaga Penasihat BKISHHB merasa amat besar hati kerana mendapat kehormatan untuk menjunjung keberangkatan Duli Tuanku bagi merasmikan Pameran Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Taman Mulia (Al-Rawdah Al-Sharifah) dan Rumah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (Al-Hujrah Al-Nabawiyah).

Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, Hamba Duli Tuanku, dengan rendah diri menyusun jari sepuluh menjunjung ampun beribu-ribu ampun dan kemaafan Kehadapan Majlis Duli Tuanku sekiranya terdapat sorok langkah yang kurang elok dan tertib serta sebarang kekurangan yang tidak disengajakan di dalam pengendalian majlis pada pagi ini.

Sekian. *Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Hamba Duli Tuanku menjunjung anugeraha.



IPA, CIG METERAI MOU PERKUKUH KEUPAYAAN PERKHIDMATAN AWAM

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Institut Perkhidmatan Awam (IPA) bersama Chandler Institute of Governance (kanan). Manakala gambar kiri, ucapan alu-aluan Pengarah IPA, Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh.

bekerjasama dengan CIG, IPA berhasrat untuk memanfaatkan kepakaran global ini sambil memastikan keutamaan dan konteks tempatan Negara Brunei Darussalam (NBD) kekal menjadi tumpuan.

Tambahnya lagi, bersama-sama, mereka mempunyai peluang untuk mencipta inisiatif secara bersama yang mengambil contoh amalan terbaik antarabangsa sambil kekal berakar umbi dalam konteks NBD. Menerusi perkongsian ini jelasnya, mereka berhasrat untuk membentuk Perkhidmatan Awam yang inovatif, berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan daripada Ketua Pegawai Eksekutif CIG dan Pengerusi Chandler Academy of Governance, Wu Wei Neng, yang antara lain berkata bahawa di bawah MoU tersebut, CIG dan IPA akan memperluas kerjasama mereka dalam program latihan dan projek bagi memperkukuh



keupayaan sektor awam, dengan potensi untuk berkembang kepada inisiatif serantau yang disesuaikan untuk negara-negara anggota ASEAN dan rakan kongsi lain.

Tambahnya, kedua-dua organisasi juga akan meneroka peluang tambahan untuk pertukaran pengetahuan, termasuk lawatan sambil belajar dan aktiviti penyelidikan bagi menyokong pembelajaran serta pembangunan.

Kemuncak acara ialah majlis penandatanganan MoU, yang diwakili oleh Pengarah IPA bagi pihak IPA, dan Deputy Dean (Programmes), Chandler Academy of Governance, Sin Xin Ping bagi pihak GIC.

Setelah itu, majlis diikuti dengan pertukaran dokumen sebagai

simbol melambangkan permulaan kerjasama baharu.

Sementara itu, dalam pembentangannya yang bertajuk 'Measuring Government Capabilities', Wu Wei Neng antara lain menekankan dan menengahkan pendekatan praktikal dalam memperkukuh keberkesanan institusi serta meningkatkan keupayaan urus tadbir.

Acara penandatanganan MoU tersebut menandakan langkah penting dalam memperkukuh kerjasama dalam bidang tadbir urus, kepimpinan dan kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

Penandatanganan MoU ini mencerminkan satu perkongsian strategik dan komitmen bersama

antara IPA dan CIG dalam memajukan usaha pembangunan kapasiti, menggalakkan perkongsian ilmu, serta mempertingkatkan tadbir urus dan kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

Kerjasama ini diharap dapat membuka ruang kepada pelbagai inisiatif bersama, program perkongsian ilmu, dan peluang pembangunan kapasiti yang akan menyumbang kepada Perkhidmatan Awam NBD yang berprestasi tinggi, profesional, dan berdaya tahan.

Acara diakhiri dengan sesi jaringan yang memberi peluang kepada para peserta untuk berbincang, bertukar pandangan dan memperluas jalinan hubungan dalam kalangan para peserta.

Zahirkan kecintaan, kerinduan terhadap Rasulullah melalui selawat

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 September. - Kecintaan umat Islam terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sentiasa dizahirkan melalui pelbagai aktiviti keagamaan, lebih-lebih lagi apabila tibanya bulan Rabiulawal, bulan kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sempena Sambutan Maulidur Rasul tahun ini, Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan Majlis Ihya Maulidur Rasul bertempat di Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer, hari ini.

Majlis tersebut merupakan anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, yang seterusnya memulakan majlis dengan mengepalai bacaan Sayyidul Istighfar serta Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Turut hadir, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee; isteri Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Siti Norishan binti Haji Abdul Gafor;

Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin serta Muslimah dari Kelas Bimbingan Muslimah Daerah Brunei dan Muara.

Majlis turut disemarakkan dengan bacaan selawat daripada beberapa Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Daerah Brunei dan Muara. Antara yang dipersembahkan termasuk Selawat Assalamualaika Zainal Anbiya oleh Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Beribi; Selawat Ya Sayyidi daripada Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanil Bolkiah; Selawat Busyra dibawakan oleh Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.

Manakala Selawat Badariyah oleh Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Putat; serta Selawat Isyfa Lana oleh Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.

Sementara itu, turut dipersembahkan Selawat Sidanan Nabi oleh Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Kampung Katimahar; Ya Nabi Salamun Alaik oleh Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Pelambayan; Selawat Sohibus Syafa'ah oleh Kelas



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis yang seterusnya memulakan majlis dengan mengepalai bacaan Sayyidul Istighfar serta Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Limau Manis; Selawat Solatum Minallah oleh Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Masin; Selawat Asygil pula dibawakan oleh Kelas Bimbingan Muslimah Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah; serta Selawat Al-Miskufa oleh Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Majlis juga disemarakkan dengan Persembahan Dikir Asyrakal yang dibawakan oleh Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti,

Kampung Burong Pingai Ayer.

Persembahan selawat tersebut diakhiri dengan Selawat Ya Habibul Qalbi oleh Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis, yang menambahkan lagi keberkatan majlis berkenaan.

Penganjuran majlis ini antara lain bertujuan menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Di samping mengenali dan mempelajari pelbagai variasi selawat, ia juga bertujuan untuk menzahirkan kecintaan dan kerinduan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui amalan memperbanyakkan selawat.

Selain itu, majlis juga dihasratkan dapat menggalakkan penglibatan para Muslimah dalam program keagamaan di masjid, sekali gus memakmurkan rumah Allah serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan jemaah.

MAJLIS DOA SELAMAT BUAT PEGAWAI AIOT

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BOLKIAH GARISON, Isnin, 15 September. - Majlis Doa Selamat bagi pemergian Pegawai Augmentation Interim Observers Team (AIOT) diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersama, Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, Pengarah-pengarah, Timbalan Pengarah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Penasihat Pertahanan Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan warga Kementerian Pertahanan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan bacaan

Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah, Surah Yaa Siin dan Asmaul Husna.

Atur cara majlis juga mendengarkan penyampaian tazkirah bertajuk 'Kerjasama Dalam Mencapai Keamanan' oleh pegawai dari Jabatanarah Agama, ABDB (JAMA'AT), Awang Mohammad Fahmi bin Haji Matnor.

Majlis kemudiannya disusuli dengan penyampaian cenderahati kepada Pegawai AIOT dan diiringi dengan laungan Dikir Marhaban.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat dan Selawat Qiam dan diikuti dengan doa untuk kedua ibu bapa dan memohon kebaikan dunia dan akhirat serta dijauhkan daripada api neraka yang dipimpin oleh Mejar Md. Nasyrul Wafiy bin Haji Mahdini, pegawai dari JAMA'AT ABDB.

AIOT, yang diterajui oleh Malaysia merupakan kumpulan pemerhati ASEAN yang ditugaskan untuk memantau dan



MAJLIS Doa Selamat bagi pemergian Pegawai Augmentation Interim Observers Team (AIOT) dihadiri oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selaku tetamu kehormat.

membantu mengekalkan gencatan senjata di sepanjang sempadan Kemboja-Thailand selepas terdeteksinya konflik pada Julai 2025.

Mejar (U) Pengiran Abdul Azim bin Pengiran Idris selaku perwakilan ABDB bagi AIOT

dijadualkan akan bertolak Selasa, 16 September ke Siam Reap, Kemboja.

Penglibatan ABDB ini selari dengan kenyataan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mengenai kesediaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam menyokong usaha pengamanan serantau dan antarabangsa dalam

memupuk kehormatan bersama, hubungan kejiranan yang baik serta menegaskan kedaulatan negara.

Penyertaan AIOT merupakan simbol sumbangan penting NBD kepada keamanan dan kestabilan serantau serta bukti komitmen berterusan terhadap misi keamanan dan kemanusiaan.

Pemasangan Lencana NBD bagi Penugasan AIOT



PEMERINTAH Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa bergambar ramai pada Majlis Pemasangan Lencana Negara Brunei Darussalam bagi Penugasan Augmentation Interim Observer Team (AIOT) ke Siam Reap, Kemboja. Juga hadir pada majlis tersebut, Pemerintah ABDB.

BOLKIAH GARISON, Isnin, 15 September. - Majlis Pemasangan Lencana Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Penugasan Augmentation Interim Observer Team (AIOT) ke Siam Reap, Kemboja telah diadakan petang tadi di Bolkiah Garrison.

Pemasangan lencana negara telah disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kolonel Pengiran Rumaizi bin Pengiran Othman kepada Mejar (U) Pengiran Abdul Azim bin Pengiran Idris perwakilan dari ABDB bagi AIOT.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, Pengarah-pengarah, Pemangku Pengarah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kaunselor Kedutaan Kemboja, Atase Pertahanan Thailand ke NBD serta Wakil Atase Pertahanan Malaysia,

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ihsan Kementerian Pertahanan

pegawai-pegawai kanan dan pegawai - pegawai dari Kementerian Pertahanan.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan. Mejar (U) Pengiran Abdul Azim dijadualkan bertolak pada Selasa, 16 September ke Siam Reap, Kemboja.

AIOT yang diterajui oleh Malaysia merupakan pasukan pemerhati ASEAN yang terdiri daripada wakil beberapa negara anggota, dengan mandat untuk memantau dan membantu mengekalkan gencatan senjata di sepanjang sempadan Kemboja-Thailand berikutan terdeteksinya konflik sempadan pada Julai 2025.

Penyertaan ABDB dalam AIOT adalah bertujuan untuk memudahkan dialog di antara pihak-pihak yang bertelingkah, menyokong proses politik pendamaian dan memberikan penilaian secara adil.

Usaha ini turut merangkumi peranan dalam penyelesaian konflik yang dipimpin oleh ASEAN, pengukuhan kerjasama keselamatan serantau melalui serta langkah-langkah keyakinan bagi meningkatkan ketelusan dan kepercayaan.

Matlamat keseluruhan operasi ini adalah untuk menyumbang secara berkesan dalam mengekalkan kestabilan, mencegah sebarang peningkatan konflik dan mengukuhkan peranan ASEAN dalam menangani krisis serantau tersebut.

RTB semarakkan Maulidur Rasul

Siaran Akhbar dan Foto: Radio Televisyen Brunei



PEMANGKU Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Cheong Chee Keong semasa hadir pada Majlis Ceramah Khas bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi (atas), manakala gambar bawah, bacaan Surah Al-Fatihah diselajarkan dengan bacaan Surah Al-Furqan, ayat 30-40.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 September. - Radio Televisyen Brunei (RTB) hari ini mengadakan Majlis Ceramah Khas bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi bertempat di Ibu Pejabat RTB, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong; timbalan pengarah, ketua-ketua bahagian, para pegawai dan kakitangan RTB.

Majlis dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah diselajarkan dengan bacaan Surah Al-Furqan, ayat 30-40 yang dibacakan oleh Penolong Perancangan, Bahagian Rancangan TV, Awang Razali bin Ibrahim.

Sejurus itu, majlis diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Amanah Menyampaikan : Etika Penyiaran Mengikut Sunnah' yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Majlis diteruskan lagi dengan persembahan Dikir Syarafil Anam yang dibawakan oleh Pasukan Dikir RTB.

Sambutan ini merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan RTB untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping bagi mengenang jasa Rasulullah dalam memperjuangkan syiar Islam, sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



Air Mandian Jenazah Bercampur Dengan Sabun

KELUARAN AKHIR

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Menghilangkan Sisa Sabun Daripada Badan Jenazah Sebelum Meratakan Air Mutlak Ke Seluruh Badannya

TERDAPAT cara paling minima dan cara yang sempurna dalam memandikan jenazah. Cara yang paling minima dan sudah memadai untuk menggugurkan tuntutan fardhu kifayah memandikan jenazah adalah dengan meratakan air mutlak ke seluruh badan jenazah sekurang-kurangnya satu kali selepas menghilangkan segala najis daripada badannya.

Cara yang sempurna dalam memandikan jenazah pula ada yang **أدنی** (adna) iaitu sempurna yang paling rendah, **أوسط** (awsath) iaitu sempurna yang pertengahan dan **أكمل** (akmal) iaitu sempurna yang paling lengkap sebagaimana yang disebut oleh Imam asy-Syarwani **Rahimahullah** dalam Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj. Kesemua cara yang sempurna ini melibatkan penggunaan daun bidara atau yang seumpamanya seperti sabun.

Cara sempurna yang paling rendah dalam memandikan jenazah melibatkan tiga basuhan, iaitu basuhan pertama menggunakan air yang dicampur dengan daun bidara, basuhan kedua menghilangkan sisa air daun bidara dan basuhan ketiga menggunakan air mutlak.

Cara sempurna yang pertengahan dalam memandikan jenazah pula melibatkan lima atau tujuh basuhan. Sekiranya jumlah basuhan adalah lima, maka aturan basuhan memandikan jenazah ialah basuhan pertama menggunakan air daun bidara, basuhan kedua menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan ketiga menggunakan air daun bidara, basuhan keempat menghilangkan sisa air daun bidara dan basuhan kelima menggunakan air mutlak. Sunat juga basuhan pertama menggunakan air daun bidara, basuhan kedua menghilangkan sisa air daun bidara, dan basuhan ketiga, keempat dan kelima menggunakan air mutlak.

Adapun jika jumlah basuhan adalah tujuh pula, maka antara aturan basuhannya ialah :

a. Cara pertama : Basuhan pertama menggunakan air daun bidara, basuhan kedua menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan ketiga menggunakan air daun bidara, basuhan keempat menghilangkan sisa air daun bidara, dan basuhan kelima, keenam dan ketujuh menggunakan air mutlak.

b. Cara kedua : Basuhan pertama menggunakan air daun bidara, basuhan kedua menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan ketiga menggunakan air mutlak, basuhan keempat dan basuhan kelima menggunakan air daun bidara, basuhan keenam menghilangkan sisa air daun bidara dan basuhan ketujuh menggunakan air mutlak.

c. Cara ketiga : Basuhan pertama menggunakan air daun bidara, basuhan kedua menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan ketiga menggunakan air daun bidara, basuhan keempat menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan kelima menggunakan air daun bidara, basuhan keenam menghilangkan sisa air daun bidara dan basuhan ketujuh menggunakan air mutlak.

Cara sempurna yang paling lengkap dalam memandikan jenazah pula melibatkan sembilan basuhan, iaitu basuhan pertama menggunakan air daun bidara, basuhan kedua menghilangkan sisa

air daun bidara, basuhan ketiga menggunakan air mutlak, basuhan keempat menggunakan air daun bidara, basuhan kelima menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan keenam menggunakan air mutlak, basuhan ketujuh menggunakan air daun bidara, basuhan kelapan menghilangkan sisa air daun bidara, dan basuhan kesembilan menggunakan air mutlak. Sunat juga basuhan pertama menggunakan air daun bidara, basuhan kedua menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan ketiga menggunakan air daun bidara, basuhan keempat menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan kelima menggunakan air daun bidara, basuhan keenam menghilangkan sisa air daun bidara, dan basuhan ketujuh, kelapan dan kesembilan menggunakan air mutlak.

Meneliti kesemua cara memandikan jenazah yang melibatkan penggunaan daun bidara yang dinyatakan di atas, selepas sahaja jenazah dimandikan menggunakan air daun bidara, maka sisa air daun bidara akan dihilangkan terlebih dahulu sebelum meratakan air mutlak ke seluruh badan jenazah. Ini bermakna, menghilangkan sisa air daun bidara sebelum meratakan air mutlak ke seluruh badan jenazah adalah sangat dianjurkan untuk dilakukan kerana pada kebiasaannya, air mutlak yang digunakan untuk menghilangkan sisa air daun bidara akan mengalami perubahan yang banyak sehingga hilang daripada air mutlak tersebut sifat menyucikan. Dalam erti kata lain, air mutlak tersebut pada kebiasaannya akan berubah sehingga tidak lagi dinamakan sebagai air mutlak. Apabila perkara ini terjadi, maka basuhan menghilangkan sisa air daun bidara tersebut tidak dikira menggugurkan tuntutan fardhu kifayah memandikan jenazah. Imam ar-Ramli **Rahimahullah** dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj berkata :

Ertinya : *Maka tidak dikira basuhan daun bidara dan tidak juga (dikira) apa (air) yang digunakan untuk menghilangkannya (basuhan daun bidara) daripada tiga (basuhan air mutlak) kerana perubahan air (yang bercampur) dengannya (sisa basuhan daun bidara adalah) perubahan yang menghilangkan sifat menyucikan. Dan sesungguhnya (basuhan) yang dikira daripadanya (tiga basuhan air mutlak adalah) basuhan air mutlak, maka (basuhan) pertama (air mutlak) daripada tiga basuhan menggunakannya (air mutlak) itulah yang menggugurkan (tuntutan) wajib (fardhu kifayah memandikan jenazah).*

Oleh itu, jika jenazah dimandikan dengan lima basuhan contohnya, iaitu basuhan pertama menggunakan air daun bidara, basuhan kedua menghilangkan sisa air daun bidara, dan basuhan ketiga, keempat dan kelima menggunakan air mutlak, maka basuhan pertama dan kedua itu tidak dikira daripada tiga basuhan air mutlak dan tidak

dikira menggugurkan tuntutan fardhu kifayah kerana kedua air basuhan tersebut mengalami perubahan yang menghilangkan sifat menyucikan daripadanya. Dalam keadaan ini, basuhan pertama daripada tiga basuhan air mutlak itulah yang menggugurkan tuntutan fardhu kifayah.

Walau bagaimanapun, jika air yang digunakan untuk menghilangkan sisa air daun bidara itu tidak berubah atau hanya mengalami perubahan yang sedikit yang tidak terhalang ia daripada dinamakan sebagai air mutlak, maka menurut Imam an-Nawawi **Rahimahullah**, ia masih dinamakan sebagai air yang suci lagi menyucikan. Oleh yang demikian, basuhan air tersebut boleh dikira menggugurkan tuntutan fardhu kifayah memandikan jenazah.

Meratakan Air Mutlak Yang Bercampur Kapur Barus Tanpa Menghilangkan Sisa Sabun Daripada Badan Jenazah

Penting untuk diketahui bahawa air mutlak yang digunakan untuk diratakan ke seluruh badan jenazah adalah tidak mengapa jika dicampur dengan kapur barus malahan sunat hukumnya kerana ia boleh menguatkan jasad dan menghindar daripada cepat reput dan busuk. Walau bagaimanapun, kuantiti kapur barus yang dicampur itu hendaklah sedikit sahaja dan tidak banyak sehingga menyebabkan perubahan yang banyak pada air yang menghilangkan sifat menyucikan daripadanya, melainkan jika kapur barus yang banyak itu keras, tidak cair dan tidak larut, maka tidak mengapa mencampurnya dengan air mutlak yang hendak digunakan untuk diratakan ke seluruh badan jenazah tersebut.

Mengenai persoalan adakah sah menurut syara' memandikan jenazah dengan cara menggunakan sabun, kemudian tanpa menghilangkankan sisa-sisa sabun tersebut daripada badan jenazah, orang yang memandikan jenazah itu terus meratakan air yang dicampur dengan kapur barus ke seluruh badan jenazah?

Berdasarkan penjelasan di atas, memandikan jenazah sekalipun dengan air yang dicampur dengan kapur barus adalah sah. Walau bagaimanapun, kesahan mandi jenazah dengan menggunakannya dalam keadaan ia bercampur dengan sisa sabun pada badan jenazah tertakluk lagi kepada perubahan pada air bercampur kapur barus itu setelah ia bercampur dengan sabun yang masih tersisa pada badan jenazah.

Sekiranya air bercampur kapur barus yang diratakan ke seluruh badan jenazah bercampur dengan sabun yang masih tersisa pada badan jenazah lalu air bercampur kapur barus itu tidak berubah atau hanya mengalami perubahan yang sedikit yang tidak terhalang ia daripada dinamakan sebagai air mutlak atau dalam erti kata lain, tidak hilang sifat menyucikan



IRSYAD HUKUM

جایگاه مفتی کل کشور
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

daripadanya, maka ia masih dinamakan sebagai air mutlak. Oleh yang demikian, meratakannya ke seluruh badan jenazah dikira menggugurkan tuntutan fardhu kifayah memandikan jenazah.

Adapun jika air bercampur kapur barus yang diratakan ke seluruh badan jenazah itu tidak lagi dinamakan sebagai air mutlak kerana hilang sifat menyucikan daripadanya, misalnya kerana air tersebut dicampur dengan kapur barus yang banyak dan larut, atau kerana air bercampur kapur barus itu mengalami perubahan yang banyak setelah ia bercampur dengan sabun yang masih tersisa pada badan jenazah, maka belum gugur tuntutan fardhu kifayah memandikan jenazah tersebut. Dalam keadaan-keadaan seperti ini, adalah wajib meratakan lagi air mutlak ke seluruh badan jenazah.

Sebagai kesimpulan, disarankan kepada orang yang memandikan jenazah agar sentiasa menghilangkan sisa sabun terlebih dahulu daripada badan jenazah sebelum meratakan air mutlak ke seluruh badan jenazah, tidak kira sama ada air mutlak tersebut dicampur dengan kapur barus ataupun tidak. Ini adalah sebagai langkah berhati-hati kerana jika sisa sabun pada badan jenazah tidak dihilangkan, dikhawatiri air mutlak yang diratakan ke badan jenazah itu mengalami perubahan yang menghilangkan sifat menyucikan daripadanya setelah ia bercampur dengan sisa sabun pada badan jenazah tersebut sedangkan perubahan itu tidak disedari oleh orang yang memandikan jenazah yang akhirnya boleh menjejaskan kesahan mandi jenazah. Selain itu, disarankan juga kepada orang yang memandikan jenazah menggunakan sabun supaya mengikut cara sempurna dalam memandikan jenazah sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, umpamanya selepas menghilangkan segala najis daripada badan jenazah, dimulakan memandikan jenazah itu dengan basuhan menggunakan sabun terlebih dahulu, kemudian dihilangkan sisa sabun tersebut dan seterusnya barulah memandikan jenazah menggunakan air mutlak.

CARA sempurna yang paling lengkap dalam memandikan jenazah pula melibatkan sembilan basuhan, iaitu basuhan pertama menggunakan air daun bidara, basuhan kedua menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan ketiga menggunakan air mutlak, basuhan keempat menggunakan air daun bidara, basuhan kelima menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan keenam menggunakan air mutlak, basuhan ketujuh menggunakan air daun bidara, basuhan kelapan menghilangkan sisa air daun bidara, dan basuhan kesembilan menggunakan air mutlak. Sunat juga basuhan pertama menggunakan air daun bidara, basuhan kedua menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan ketiga menggunakan air mutlak, basuhan keempat menghilangkan sisa air daun bidara, basuhan kelima menggunakan air daun bidara, basuhan keenam menghilangkan sisa air daun bidara, dan basuhan ketujuh, kelapan dan kesembilan menggunakan air mutlak.

KIULAP, Isnin, 15 September. - Seramai 30 peserta yang terdiri daripada wakil Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta pakar-pakar antarabangsa dari Indonesia, Malaysia, India dan Jerman telah menghadiri bengkel bertajuk 'Exploring Forest Carbon Market Opportunities in Brunei Darussalam : The Case of Belait Peat Swamp Forest' anjuran bersama oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan dengan kerjasama Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA) berlangsung di sebuah hotel di Kampung Kiulap.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan bengkel tersebut ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab.

Dalam ucapan pembukaan, Dayang Hajah Tutiatty menyatakan Negara Brunei Darussalam (NBD) sangat bertuah kerana lebih 70 peratus daripada negara kita masih diliputi dengan hutan namun peralihan daripada perlindungan hutan yang kukuh kepada *monetization* hutan tanpa menjejaskan integriti ekologi memerlukan ketepatan teknikal, data yang boleh dipercayai dan proses pengesahan yang mantap.

"Di sinilah Hutan Paya Gambut Belait memainkan peranan penting. Sebagai salah satu jenis hutan yang paling penting dari segi ekologi dan kaya karbon di negara kita, ia menawarkan peluang yang menjanjikan sebagai tapak perintis bagi projek karbon hutan secara sukarela.

"Tetapi kita mesti memastikan bahawa data kita mencukupi dan metodologi yang digunakan selaras dengan piawaian

MENILAI TAHAP KESEDIAAN HUTAN PAYA GAMBUT BELAIT SEBAGAI TAPAK PERINTIS



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama para peserta yang menghadiri bengkel bertajuk 'Exploring Forest Carbon Market Opportunities in Brunei Darussalam : The Case of Belait Peat Swamp Forest'.

antarabangsa seperti Garis Panduan Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC) serta rangka kerja yang sedang berkembang seperti ART TREES dan Verra," tambahnya.

Dayang Hajah Tutiatty seterusnya menegaskan meneroka pasaran karbon hutan bukanlah tentang menyertai sesuatu yang sedang menjadi trend. Ia adalah tentang membina asas yang kukuh berlandaskan data, penjajaran dasar, kesiapsiagaan institusi dan yang paling penting iaitu integriti.

Bengkel dua hari bermula 15 hingga 16 September 2025 ini merupakan sebahagian daripada kerjasama di bawah Projek 'Gap Analysis and Verification of the National Forest Resources

Inventory' antara KSSUP dan ERIA.

Matlamat utama bengkel ini adalah untuk menilai tahap kesiediaan Hutan Paya Gambut Belait sebagai tapak perintis bagi potensi penyertaan dalam pasaran karbon secara sukarela, selaras dengan aspirasi negara dalam pemuliharaan hutan dan menangani perubahan iklim.

Sepanjang bengkel ini, para peserta membincangkan penemuan berkaitan pengesahan stok karbon, menilai kelayakan projek mengikut piawaian karbon antarabangsa, mengkaji dasar serta kerangka institusi yang menyokong pelaksanaan projek, dan meneliti aspek kebolehlaksanaan dari segi kewangan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Lawatan lapangan ke Hutan Paya Gambut Belait turut diadakan pada hari kedua bengkel. Bengkel ini dijangka dapat membantu Jabatan Perhutanan dalam memanfaatkan kepakaran ERIA untuk menganalisis dan mengesahkan data garis dasar (*baseline*) serta meneliti dapatan bagi Fasa I : Hutan Paya Gambut Belait.

Ia juga bertujuan memastikan kaedah pengumpulan data adalah selaras dengan piawaian antarabangsa, khususnya 2006 Intergovernmental Panel on Climate Change Guidelines.

Di samping itu, usaha ini juga dilihat dapat mengukuhkan lagi

keupayaan Hutan Paya Gambut sebagai takungan karbon (*carbon sink*) dan menilai potensi penajaan serta penjualan kredit karbon (*carbon credit*) melalui mekanisme perdagangan karbon (*carbon trading*).

Penemuan dan cadangan utama daripada bengkel ini dijangka akan dibentangkan dalam Mesyuarat ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (AMAF) sebagai sumbangan kepada usaha berterusan NBD dalam meneroka penyelesaian perubahan iklim berasaskan alam semula jadi serta pengurusan hutan secara mampan.

Pasukan PanicInString juara Capture the Flag 2025

GADONG, Isnin, 15 September. - Pasukan PanicInString dari Indonesia muncul juara dalam Pertandingan Cyber Battle : Capture the Flag 2025 dan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND3,500 dalam Majlis Penyampaian Hadiah yang berlangsung di Rizqun International Hotel, hari ini.

Naib juara disandang oleh Pasukan Phish x 3 dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan membawa pulang wang tunai sebanyak BND2,000, sementara Pasukan 3MPVI juga dari NBD memenangi tempat ketiga dan membawa pulang wang tunai sebanyak BND1,500.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang ialah Interim Commissioner of Cyber Security Brunei (CSB), Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis.

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Cyber Battle : Capture the Flag ini dikendalikan oleh IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS) dengan kerjasama CySec2025 bersama Cyber Security dan The Brunei Cyber Security Association (BCSA).

Persidangan dan Pameran Cysec2025 mempamerkan perkembangan bakat keselamatan siber tempatan yang semakin berkembang dan mengukuhkan komitmen negara untuk membangunkan keupayaan pertahanan siber bertaraf dunia melalui kecemerlangan kompetitif dan pembangunan kemahiran praktikal.



INTERIM Commissioner of Cyber Security Brunei (CSB), Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang Pertandingan Cyber Battle : Capture the Flag 2025.

Mereka diiktiraf kerana kebolehan teknikal yang luar biasa, pemikiran strategik, dan kemampuan untuk menangani cabaran keselamatan siber yang kompleks di bawah tekanan.

Pencapaian mereka mewakili tahap kecemerlangan keselamatan siber yang kompetitif dan menjadi inspirasi kepada peserta masa depan.

Sebagai pengiktirafan terhadap usaha dan dedikasi yang ditunjukkan oleh semua peserta,

sijil dan pingat akan disampaikan kepada 16 kumpulan, sebagai penghargaan atas komitmen mereka dalam pembangunan kemahiran keselamatan siber dan sumbangan berharga mereka kepada kejayaan keseluruhan pertandingan.

Pengiktirafan ini menekankan kepentingan penyertaan dan pembelajaran berterusan dalam bidang keselamatan siber, di mana setiap cabaran yang berjaya diatasi mewakili pengalaman yang

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

berharga dan pembinaan keupayaan.

Persekitaran kompetitif dalam pertandingan Capture the Flag telah mencipta senario realistik mencerminkan cabaran keselamatan siber dunia sebenar dan memberikan peserta pengalaman praktikal yang terus terjemah kepada peranan

profesional dalam keselamatan siber.

Kemahiran yang dibangunkan melalui pertandingan seperti ini termasuk analisis ancaman yang pantas, penyelesaian masalah secara berkolaborasi dan strategi pertahanan inovatif, adalah komponen penting dalam amalan keselamatan siber yang berkesan.

MENGAMALKAN PEMBACAAN AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama



HAKIM Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohamad Shah bin Haji Taib hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran (atas), manakala gambar kanan, antara pelajar yang diraikan pada majlis berkenaan.



BELAIT, Isnin, 15 September. – Dalam usaha membentuk generasi muda yang berilmu, berakhlak mulia, berjaya serta berpegang teguh kepada ajaran Islam melalui penghayatan Al-Quran, Sekolah Arab Belait pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di surau sekolah berkenaan.

Majlis berkenaan diadakan untuk meraikan seramai 27 pelajar Sanah 6 Sekolah Arab Belait terdiri

daripada 16 pelajar lelaki dan 11 pelajar perempuan yang telah berjaya menyempurnakan bacaan 30 juz Al-Quran masing-masing.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohamad Shah bin Haji Taib.

Acara diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, disusuli dengan bacaan takhtim. Manakala Doa Khatam dibacakan oleh Awangku Muhammad Shahrul Hariz Ar-Rayyan bin Pengiran Shahfree.

Majlis juga diserikan dengan persembahan Dikir dan seterusnya penyampaian sijil kepada para peserta khatam.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Zuhairin bin Abd. Rahman.

Majlis Khatam Al-Quran berkenaan turut menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam memperkukuh pendidikan Islam di samping mengeratkan silaturahim antara warga sekolah dengan para ibu bapa pelajar yang diraikan.

Selain itu, majlis berkenaan

adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran serta mengamalkan pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, ia juga mencerminkan usaha berterusan Jabatan Pengajian Islam dalam memperkukuh syiar Islam di negara ini.



MINDA PEMBACA

Penyebaran maklumat palsu : Cabaran dunia digital masa kini

DUNIA digital kini berkembang pesat dengan membawa bersama-sama pelbagai peluang dan kemudahan yang tidak terduga. Namun, di sebalik kecanggihan berkenaan, terdapat satu cabaran besar yang semakin menular, iaitu penyebaran maklumat palsu.

Pada zaman media sosial yang serba moden ini, maklumat boleh tersebar dalam sekelip mata sahaja tanpa sebarang tapisan atau penilaian. Malangnya, ramai pengguna tidak mengambil inisiatif untuk mengesahkan kesahihan maklumat yang mereka terima terlebih dahulu menyebabkan berita palsu diterima sebagai kebenaran.

Maklumat palsu bukan sekadar mencipta kekeliruan, tetapi ia mampu

merosakkan reputasi individu, organisasi, malah negara. Dalam dunia politik contohnya, berita palsu boleh menghasut kebencian dan ketegangan antara rakyat yang seterusnya mengganggu keharmonian sosial.

Manakala dalam sektor kesihatan pula, terutama semasa krisis seperti pandemik, penyebaran maklumat yang salah boleh menyebabkan tindakan berisiko yang membahayakan nyawa orang ramai.

Lebih membimbangkan, teknik-teknik penyebaran maklumat palsu kini semakin canggih. Penggunaan gajet dan internet yang berlebihan boleh memanipulasi visual dan kandungan yang kelihatan meyakinkan sehingga memudahkan

orang ramai terpedaya dan percaya.

Teknologi seperti *deepfake*, Kecerdasan Buatan (AI) dan pengeditan gambar yang begitu realistik semakin digunakan untuk menyebarkan berita palsu. Selain itu, algoritma media sosial pula cenderung mengutamakan kandungan yang mendapat banyak perhatian atau interaksi, tanpa mengambil kira kesahihan atau impak jangka panjangnya. Ini menyebabkan berita palsu yang sensasi atau mengundang emosi sering kali menjadi lebih tular, sementara maklumat yang sahih dan penting kadang-kadang tidak dihiraukan.

Sebagai pengguna dalam dunia digital, kita harus lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam memilih

maklumat. Pendidikan dan kesedaran mengenai kesan negatif penyebaran maklumat palsu perlu dipupuk secara meluas agar kita tidak menjadi penyumbang kepada penyebarannya.

Selain itu, kerjasama antara pihak berkuasa, platform media sosial dan masyarakat umum sangat penting untuk menangani isu berkenaan bagi memastikan dunia maya kekal sebagai ruang yang selamat dan berinformasi.

Nama : Nor Sakinah binti Zakaria
No. K/P : 01-047XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Menjadi Pemimpin Muda : Cabaran dan Peluang'. Tarikh Tutup : 17 September 2025
2. 'Akhlak Rasulullah : Cermin Diri Seorang Mukmin'. Tarikh Tutup : 24 September 2025
3. 'Menjaga hutan, menyelamatkan masa depan'. Tarikh Tutup : 1 Oktober 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui
E-mel : pelita.brunel@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

NBD TEGASKAN SEMULA KOMITMEN KERJASAMA KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN



DELEGASI Negara Brunei Darussalam di Acara ASEAN-OSHNET di Bangkok, Thailand telah diketuai oleh Pengarah Bahagian Pematuhan dan Antarabangsa di Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dan disertai oleh dua Pegawai SHENA serta dua wakil dari Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 September. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), sebagai pengawal selia kebangsaan bagi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja serta hal-hal radiasi di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menegaskan komitmennya terhadap kerjasama serantau dengan menyertai siri Acara ASEAN-OSHNET.

Acara ini dianjurkan oleh Department of Labour Protection and Welfare (DLPW), Thailand pada 2 hingga 4 September 2025 di Bangkok, Thailand.

Delegasi NBD diketuai oleh Pengarah Bahagian Pematuhan dan Antarabangsa di SHENA, Awang Haji Noryasmin bin Haji Mohd. Noor dan disertai oleh dua Pegawai SHENA serta dua wakil

dari Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Program selama tiga hari itu menghimpunkan Negara-negara Anggota ASEAN (AMS) dan Timor-Leste, Sekretariat ASEAN, termasuk wakil-wakil dari Jepun, Korea Selatan dan China, serta organisasi antarabangsa seperti International Labour Organisation (ILO), International Association of Labour Inspection (IALI), dan Asia Pacific Occupational Safety & Health Organization (APOSHO).

Sesi Pra-Kerja mengenai Pembangunan OSH Scorecard untuk AMS telah memberikan gambaran keseluruhan projek tersebut. Objektif sesi ini adalah untuk mempertingkatkan laman sesawang OSH Scorecard, menambah baik kandungannya

dan antara muka penggunaannya sambil memperkukuhkan amalan pengumpulan data dan penanda aras prestasi OSH di seluruh rantau ini.

Anugerah ASEAN-OSHNET Ke-6 (AOA 6) mengiktiraf syarikat-syarikat dalam AMS yang menunjukkan prestasi OSH cemerlang dan amalan terbaik, dengan tujuan meningkatkan profil OSH di peringkat serantau serta memberi inspirasi kepada penambahbaikan berterusan.

Majlis Anugerah tersebut dirasmikan oleh Menteri Buruh Thailand, Mr. Pongkawan Junggrungruangkit, yang turut menyampaikan anugerah kepada 14 penerima. Dalam pada itu, Syarikat Adinin Works & Engineering Sdn. Bhd. telah mewakili NBD bagi Anugerah ASEAN-OSHNET Excellence.

ASEAN-OSHNET Conference Ke-12 (AOC 12), membawakan

tema 'Advancing Innovation and Technology towards Sustainable Occupational Safety and Health' (OSH) dan menekankan peranan penting yang dimainkan oleh inovasi dan teknologi terutamanya melalui platform digital, Kecerdasan Buatan (AI) dan sistem pemantauan pintar dalam mencegah kemalangan di tempat kerja, memupuk kesejahteraan pekerja, serta memastikan daya tahan dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Program tersebut menampilkan pembentangan dari ILO, sesi perbincangan panel mengenai kemajuan inovasi dan teknologi dalam OSH mampan, serta pembentangan yang dibuat oleh syarikat-syarikat penerima anugerah.

Mesyuarat Lembaga Penyelaras ASEAN-OSHNET Ke-26 (CBM 26) menyediakan kemas kini mengenai projek dan semasa, termasuk mesyuarat yang berkaitan

di bawah Rancangan Kerja ASEAN-OSHNET 2021-2025, serta memulakan perbincangan mengenai Rancangan Kerja ASEAN-OSHNET 2026-2030.

Dalam mesyuarat tersebut, NBD, melalui SHENA, secara rasmi mengesahkan kesediaannya untuk memikul tanggungjawab sebagai Sekretariat ASEAN-OSHNET bagi tempoh 2026-2029.

Selain itu, NBD juga menerima peranan sebagai Penyelaras bagi ASEAN Business Coalition on HIV / AIDS (ASEAN-BCA) untuk tempoh 2025-2027, di bawah bidang kuasa Jabatan Buruh, KHEDN.

Menteri Buruh Thailand, Mr. Pongkawan Junggrungruangkit, menekankan kepentingan platform ASEAN-OSHNET dalam memperkukuhkan kerjasama, perkongsian kepakaran dan meningkatkan piawaian keselamatan di tempat kerja bagi memperbaiki kualiti hidup para pekerja di rantau ASEAN.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

KEBAHAGIAAN hidup seseorang di dunia ini amat dipengaruhi oleh nilai kewangan yang dimiliki selain daripada nilai iman dan akhlak. Oleh itu, Islam amat menggalakkan umatnya agar berusaha memperbaiki dan memantapkan ekonomi diri, keluarga, masyarakat dan juga negara selagi ia tidak bertentangan dengan kehendak syarak.

Penguasaan dan penguasaan ekonomi untuk diri, keluarga, masyarakat dan negara merupakan suatu tuntutan dan keutamaan dalam Islam. Pembangunan ekonomi menjadi agenda penting bagi kehidupan umat Islam kerana kukuhnya ekonomi sesuatu umat itu akan menyebabkan ia dihormati dan disanjung tinggi. Tetapi malangnya terdapat segelintir masyarakat yang memandang remeh dan menganggap bahawa usaha mengukuhkan ekonomi tidak penting dan bukan kerja yang dituntut serta tidak ada hubung kait dengan ibadah.

Ini adalah satu tanggapan dan pemahaman yang salah kerana Islam bukanlah suatu agama yang hanya cenderung kepada

kehidupan hari akhirat dan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata, bahkan kita juga diseru untuk memenuhi tuntutan dunia. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qashash, ayat 77, yang terjemahan ayatnya :

"Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan".

Dalam menjalankan kegiatan ekonomi, kita perlu berwaspada, agar ia dilaksanakan berdasarkan syariat Islam yang menggariskan etika dan peraturan yang perlu dipatuhi. Islam amat menitikberatkan soal keadilan dalam semua perkara, dengan mengharamkan segala bentuk penindasan, amalan riba, penipuan, rasuah, monopoli yang tidak seimbang, manipulasi pasaran dan segala bentuk penyelewengan atau perkara-perkara yang merugikan pihak tertentu. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa', ayat 29, yang

terjemahan ayatnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil (seperti makan riba, merampas, menipu dan berjudi), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh diri kamu sendiri (atau membunuh orang lain). Sesungguhnya Allah Maha Pengasih terhadap kamu".

Salah satu jalan terbaik untuk meningkatkan penguasaan ekonomi adalah melalui perniagaan iaitu berusaha menjadi usahawan yang berjaya.

Namun, walau apa pun usaha yang dilakukan untuk berjaya dalam bidang perniagaan, kita wajib bersyukur nikmat kurniaan-Nya dan berharap semoga perniagaan mendapat keberkatan dan menghasilkan keuntungan dan akhirnya dapat disalurkan kepada umat Islam lain melalui pengeluaran zakat, sedekah dan seumpamanya.

Abdul Rahman bin Auf, Zubair Ibnu A'wwam, Talhah bin Ubaidillah dan ramai lagi merupakan contoh generasi pertama Islam yang bukan sahaja menjadi usahawan berjaya tetapi turut memainkan

peranan penting dalam penyebaran dan pengembangan dakwah Islam. Semangat, etika dan keperibadian para sahabat ini perlu dicontohi oleh peniaga atau pengusaha pada hari ini.

Justeru itu, kegiatan ekonomi yang dilaksanakan hendaklah diiktirafkan berdasarkan nilai dan etika Islam, di antaranya:

- Mengelakkan diri daripada berurusan dengan barangan atau perkhidmatan yang haram.

- Bersifat jujur dalam jual beli, menjauhi riba dan mengelak unsur-unsur perjudian.

- Mengelak diri dari mengamalkan penipuan, seperti penipuan maklumat mengenai sesuatu produk barangan dan sebagainya.

- Hindari sifat tamak dan hasad dengki terhadap kejayaan orang lain. Sebaliknya menjadikan kejayaan seseorang sebagai dorongan untuk berjaya.

Di samping menceburi perniagaan, umat Islam juga perlu menguasai ilmu serta kepakaran kerana hasilnya kita boleh meningkatkan dan mengukuhkan ekonomi diri dan dalam masa yang sama dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi umat Islam dan negara.

Berniaga mengukuhkan ekonomi


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III & IV Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
30 September 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
14 Oktober 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 032 / 2025

Nama Projek:
Menaiktaraf Sistem Telemetry dan
SCADA Di Daerah Belait (Fasa 1).

No. Projek:
2025ADKB/2108-002-001

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
30 September, 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup :
14 Oktober 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 034 / 2025

Nama Projek :
Kerja-Kerja Perlindungan Tebing
Sungai dan Saluran Keluar
Di Kampung Sungai Teraban,
Daerah Belait.

No. Projek:
2025ADKB/2106/002-003-012

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
23 September 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
7 Oktober 2025
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 031 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Melapis Semula Jalan
Raya Di Jalan Seri Maharaja,
Kuala Belait, Daerah Belait.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-001-006

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
23 September 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
7 Oktober 2025
(Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 033 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Paip
Pembetung Berhampiran Pam
Stesen PB3B Di STKRJ
Kg. Mumong,
Daerah Belait.

No. Projek:
2025ADKB/2106/002-003-014

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III, IV & V Sahaja

Kategori:
KA01, M03 & P05 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa, 23 September 2025

Tarikh Tutup:
Selasa, 7 Oktober 2025
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 033 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal 3 Tahun Bagi
Kerja-Kerja Mekanikal Dan
Elektrikal Bagi Loji Rawatan Air
Mangkubau Dan Empangan
(2026)

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 034 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal 3 Tahun Bagi
Kerja-kkerja Operasi Dan
Pemeliharaan Loji Rawatan Air
Mangkubau Dan Empangan
(2026)

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-


Iklan Tarikh Lanjutan

Kelas :
(II, II, IV & V Sahaja)

Kategori :
[KA01, KPB04, M03 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada
(Lanjutan Kedua):**
23 September 2025
(Selasa)

**Tarikh Tutup Tawaran (Lanjutan
Kedua):**
30 September 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 032 / 2025

Nama Projek:
Penambahbaikan Rangkaian
Sistem Paip Air Utama dan
Tangki-Tangki Air Bagi Ke Semua
Daerah, Menaiktaraf Booster
Bangar dan Lakiun Serta
Pemasangan Paip Air Utama
Baharu Ke Tangki Simpanan
UNISSA, Daerah Temburong

Yuran Tawaran:
BND1,000.00 (Tidak
Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 100 / 25 – 26
Pembinaan Set Bagi Rancangan
"Bermukun Se-Borneo 2025"

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan) (*Hardcopy*)

Tarikh Tutup:
Rabu,
17 September 2025
Jam 2.00 petang



Bilangan Tawaran:
17 / BBS / SH / 2025 – 2026

Keterangan Projek:
Supply And Installation Of
Fluted Wood Panel Decorative
Strip Design WPC Wall Paneling
System At Dewan Bandaran and
Bilik Mesyuarat, Jabatan
Bandaran Kuala Belait dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 September 2025



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 /
21 (R)

Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 21 :
Penyediaan Pakej Mesyuarat dan
Bilik Penginapan Sempena UN
Tourism Regional Workshop In
Brunei Darussalam,
18 – 20 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
18 September 2025,
2.00 Petang


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 /
38

Tajuk Tawaran:
Penyewaan Tempat Latihan dan
Tempat Tinggal Pelatih-Pelatih
Bagi Asean National Trainer In
Housekeeping,
3 – 8 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
2 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
75 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Supply And Delivery Of Television Units & Accessories For Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 1 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Tawaran:
07 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
Network Infrastructure Upgrade Project: The Supply, Delivery, Installation, Setup, Configuration, Testing And Maintenance For Ma'had Islam Brunei, Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 7 Oktober 2025,
2.00 Petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
08 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
The Supply, Delivery, Installation, Setup, Configuration, Testing And Maintenance Of Switches For Multiple Locations, Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 24 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS /
CCTV(SASHHB) / 2025 - 2026
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Memasang Sistem Pengawasan CCTV Bagi Sekolah Arab Sultan Haji Hassanalk Bolkiah, Rimba Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1446H - 1447H / 2025M - 2026M

Tarikh Tutup :
Rabu,
9 Rabiulakhir 1447H /
1 Oktober 2025M
Tidak lewat jam 2.00 petang.



1. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPLK77 / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan Jalan 77, Kawasan Brunei IIA

2. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPAPRSB / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'datul Bolkiah, Kuala Belait

3. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPBSOAS / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin. Kuala Belait.

4. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPAPFLBK / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bolkiah, Kupang Kawasan Tutong

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1446H - 1447H / 2025M - 2026M

Tarikh Tutup :
Rabu, 9 Rabiulakhir 1447H /
1 Oktober 2025M
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

KES NO. BCY/CP/335/2024

**Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei**
... Pemiutang
Penghakiman/Pemetisysen

Haji Hassan Bin Haji Ahmad
BYIC NO. 00-047475
... Penghutang
Penghakiman/Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 3 Julai 2025.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Haji Hassan Bin Haji Ahmad
No.2, Simpang 21, Jalan 24-26,
Perumahan Rimba Gadong. BE
3319. Brunei Darussalam.
Tarikh Petisysen: 11 Februari 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 10 Julai 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Julai 2025.



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Nama Dokumen Sebut Harga:
Pembekalan dan Pemasangan Sekuriti Alarm Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka

Bilangan Sebut Harga:
21 / DBP / SH / 2025 - 2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup :
Selasa, 30 September 2025



Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-), Mahkamah Besar pada 15hb September 2025 jam 10.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan

1. Nama Dokumen Sebut Harga:
Tawaran Mencetak Majalah (Naindung)

Bilangan Sebut Harga:
19 / DBP / SH / 2025 - 2026

2. Nama Dokumen Sebut Harga:
Tawaran Mencetak Majalah (Bahana)

Bilangan Sebut Harga:
20 / DBP / SH / 2025 - 2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup :
Selasa, 23 September 2025



pada 15hb September 2025 jam 10.30 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyual penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 10 Julai 2025

**Muhammad Syafiq
Bin Awang Haji Zakaria**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS
DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN
EKONOMI**

**Rujukan Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
JKED / TAWARAN / UPICT /
BPPK / Q / 2025-17

Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan Dan Pengujian Uninterruptible Power Supply (UPS) Bagi Kegunaan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

**Rujukan Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
JKED / TAWARAN / UPICT /
BPPK / Q / 2025-18

Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan Dan Pengujian Mesin Pencetak (Printer) Warna Dan Hitam Putih Bagi Kegunaan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
23 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
PJB / 3003 / SH / 1 - 2025
Tawaran Penggantian Pam Air Bagi Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Buruh

Tarikh Tutup Tawaran:
1 Oktober 2025, Rabu
tidak lewat jam 2.00 petang





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 112 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 113 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 114 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 115 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 116 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 117 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 118 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 119 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 120 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical

Bilangan Tawaran:
KK / 268 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Prosthodontic Consumables Items Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 276 / 2025 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver G6PD Qualitative Screening Kits For National Clinical Chemistry Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 277 / 2025 / LAB

Keterangan:
To Supply And Deliver Chemistry Laboratory Test Kits For Chemistry Analyzer For PIHMH Laboratory Services, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of One (1) Year Usage

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
23 September 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 121 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 122 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 123 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:

Bilangan Tawaran:
KK / 270 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
The Provision And Subscription Of Clinical Decision Support System (CDSS) For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 271 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Laser Indirect Ophthalmoscope For Ophthalmology Department, RIPAS Hospital

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 272 / 2025 / UPP (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medical Consumables For Endocrinology Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 278 / 2025 / DSS (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Certified Reference Material For Environment Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup:
30 September 2025
Tidak lewat jam 2.00 petang



BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 124 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup:
7 Oktober 2025
Tidak lewat jam 2.00 petang

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0024 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Mengendalikan Dan Menyampaikan 'Kursus Memperkasa Kemahiran Nelayan Kecil-Kecilan Dalam Penggunaan Global Positioning System (GPS) Dan Fish Finder Bagi Mempertingkatkan Hasil Tangkapan Nelayan Kecil-Kecilan'

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0025 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Print And Supply Posters For Capture Fisheries Industry, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 25 September 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / IL / 003
[JPPK / LTN / 07 / 2024]
Proposed Design And Build For Construction Of A Permanent Bridge At Sungai Buaya Binturan, Penanjong Garrison

Kelas: IV dan ke Atas

Kategori:
KA01 and / or KPB08, E01, E02 dan E05

Tempoh Penyediaan Kerja:
Enam (6) Bulan

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada
Isnin, 22 September 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 30 September 2025
Jam 2.00 Petang

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

1. Bilangan Tawaran:
(53) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Proposed New Walkway at Connection Road Indoor Stadium, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah

2. Bilangan Tawaran:
(65) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Pembelian Peralatan Sukan Bagi Latihan Skim Bola Jaring Jabatan Belia dan Sukan

3. Bilangan Tawaran:
(66) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Five Years (5) Term Contract for Rental Fitness Centre at Mumong Sports Complex, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis,
25 September 2025

KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 09 / 2025-2026

Tajuk Sebut Harga :
Rental Of Automatic Scenting Diffuser Machine For Minister's Room, Sumbangsaran Room, And Jaringan Meeting Room At Ministry of Primary Resources And Tourism For Period Of 12 Month

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
2 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian





**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Tawaran hendaklah dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil** dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, KSSUP, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam:-

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 21 Oktober 2025.

JPt / TAW / 03 / 2025-2026:
Membekalkan Baja NPK 15:15:15 Sebanyak 3,800 Beg (50kg / Beg) Bagi Bantuan Insentif Jabatan.
(Yuran Tawaran: BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

Website:

<http://www.agriculture.gov.bn>



Tawaran hendaklah dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil** dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, KSSUP, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam:-

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 21 Oktober 2025.

JPt / TAW / 20(A) / 2024-2025:

Membekal Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Bagi Kawasan Dan Bangunan Di Empangan Imang, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Selama 24 Bulan.

(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

Website:

<http://www.agriculture.gov.bn>



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2025 / T1

Nama Tawaran:
To Develop And Operate Airport Baggage And Related Services At Brunei International Airport

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:
Mulai 17 September 2025 hingga 4 Oktober 2025.

Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2025 / T2

Nama Tawaran:
To Develop And Operate Retail / Food & Beverage Outlet At Brunei International Airport

Tarikh Tutup:
14 Oktober 2025, Selasa
Jam 2.00 petang

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:
Mulai 15 September 2025 hingga 4 Oktober 2025.



Tajuk Tawaran:

Electrical System Health Check And Diagnostic Services For DVOR And NDB Buildings

Bilangan Sebut Harga:
ATELS / 2025 / SH - 30

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
17 September 2025, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
30 September 2025, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
1 Oktober 2025, Rabu,
(Tidak lewat jam 2.00 petang)

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



Tawaran

To Repair & Replace faulty parts of Street Light Pole at Brunei International Airport
AME / 2025 - 2026 / SH-62
(kelas III atau ke atas)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
17 September 2025, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
30 September 2025, Selasa
Tidak lewat jam 2.00 petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
1 Oktober 2025, Rabu

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas
III, IV atau V

Kategori
KPB12

Tarikh Tutup Pada:
Selasa
14 Oktober 2025
jam 2.00 Petang

JASTRE / BL / T022 / 2025
Kerja-Kerja Penanaman Rumpun Dan Pemeliharaan Di Bangunan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) (Bangunan Lama Bagi Ibu Pejabat Baharu Authoriti Monetari Brunei Darussalam).

No. Projek:
JASTRE / BL / T022 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas
III, IV atau V

Kategori
S01

Tarikh Tutup Pada:
Selasa
14 Oktober 2025
jam 2.00 Petang

JASTRE / KB / T021 / 2025
Perkhidmatan Kutipan Dan Pembuangan Sisa Pepejal Daripada Pusat-Pusat Pengumpulan Sisa Pepejal Di Daerah Belait Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

No. Projek:
JASTRE / KB / T021 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND50.00
(Non Refundable)



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(99) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Pembelian, Pembekalan, Pemasangan Dan Penyelenggaraan CCTV Jabatan Penerangan

Yuran:
Dikenakan Bayaran Sebanyak BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis,
18 September 2025,
Jam 8.00 Pagi



**PERATURAN
PENGIKLANAN**

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

DEKATI MASYARAKAT MELALUI PROGRAM MUZAKARAH PENERANGAN



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah hadir pada Program Muzakarah Penerangan bersama penduduk Mukim Bangar (atas). Manakala gambar bawah, Penghulu Mukim Zon 1 Daerah Temburong, Awang Arbi bin Haji Shahari ketika menyampaikan ucapan balasnya.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Selasa, 16 September. - Selaras dengan fungsi dan tanggungjawabnya sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Cawangan Daerah telah mengadakan Program Muzakarah Penerangan bersama penduduk Mukim Bangar yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, Daerah Temburong, pagi tadi.

Program Muzakarah Penerangan, yang antara lain bertujuan untuk mendekati masyarakat secara turun padang melalui pendekatan bersemuka.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah dalam ucapannya menyatakan bahawa program ini adalah salah satu usaha kerajaan, melalui Jabatan Penerangan untuk menyediakan wadah secara bersemuka untuk berdialog dan berkongsi maklumat antara agensi-agensi kerajaan dan para pemimpin akar umbi serta masyarakat sekeliling.

"Program Muzakarah ini bukanlah satu program baharu dalam usaha jabatan untuk mendekati masyarakat. Ia adalah bertujuan untuk menanai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda yang

pemedulian.


"Pendekatan ini juga sejajar dengan prinsip Islam yang menekankan kepentingan musyawarah dalam menangani sebarang isu atau permasalahan yang timbul," jelas beliau lagi.

Sementara itu, Penghulu Mukim Zon 1 Daerah Temburong, Awang Arbi bin Haji Shahari dalam ucapan balasnya antara lain menjelaskan bahawa program ini amat penting kerana ia bukan sahaja menjadi wadah untuk bertukar fikiran, tetapi juga sebagai penghubung yang mengeratkan lagi hubungan antara agensi kerajaan dengan masyarakat di peringkat akar umbi.

Malah dengan adanya program ini, ia merupakan platform penting bagi memastikan isu dan permasalahan rakyat serta penduduk di negara ini dapat ditangani dengan sebaik mungkin mengikut gerak kerja masing-masing.

Hadir selaku ahli panel muzakarah ialah pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi kerajaan iaitu Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Saliran dan Pembetungan, Jabatan Perkhidmatan Air, Cawangan Kerja Raya Daerah Temburong, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya.

Antara perkara yang dibentangkan pada muzakarah berkenaan meliputi prasarana, kemudahan awam, keselamatan dan lain-lain.



SIAPA YANG BERHAK MENERIMA ZAKAT?

FIRMAN ALLAH SUBHANAHU WATAALA DALAM SURAH AT-TAUBAH AYAT 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Tafsirnya: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil, dan orang-orang yang dijinakkan hatinya dengan Islam (muallaf), dan untuk memerdekakan hamba sahaya, dan orang-orang yang berhutang, dan (untuk pejuang-pejuang yang berjihad) pada jalan Allah, dan orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya). Itulah ketetapan daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

Golongan yang berhak menerima zakat atau dikenali sebagai asnaf az-zakat atau *mustahiq az-zakat* ada lapan asnaf, sepertimana Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah at-Taubah ayat 60, iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, al-riqab, al-gharimin, fi sabilillah dan Ibnu as-sabil.

Walaubagaimanapun, hanya terdapat enam asnaf yang wujud di Negara Brunei Darussalam sepertimana menurut Fatwa Mufti bilangan (23) tahun 2007, iaitu:

- 

1 Orang Islam yang papa yang tidak mempunyai apa-apa pencarian atau harta atau orang yang tidak boleh mengadakan setengah daripada keperluan untuk nafkahnya dan nafkah orang-orang yang wajib ditanggungnya.

FAKIR
- 

2 Orang Islam yang sungguhpun mempunyai sedikit harta atau apa-apa pencarian, tetapi cuma dapat mengadakan lebih sedikit daripada separuh keperluan nafkahnya dan orang yang wajib ditanggungnya.

MISKIN
- 

3 Orang Islam atau institusi yang dilantik menerima atau pemungut zakat harta atau zakat fitrah.

AMIL
- 

4 Orang yang baharu memeluk Uagama Islam dan imannya masih lemah.

MUALLAF
- 

5 Orang Islam yang berhutang secara yang diluluskan oleh Hukum Syara'.

AL-GHARIMIN
- 

6 Orang Islam yang merantau atau orang yang akan merantau dengan tujuan yang harus pada Syara' yang berkehendakkan pertolongan.

IBNU SABIL

Tunaikan zakat, hidup berkat



8292526



juzwab_kheu



www.mora.gov.bn



juzwab

CONTOHI SIFAT MULIA RASULULLAH



masyarakat khususnya para belia untuk mencontohi sifat-sifat mulia Baginda, menghidupkan sunnah Baginda serta meneladani akhlak dan keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menghadapi cabaran kehidupan sebagai belia di Negara Brunei Darussalam.

Seramai lebih kurang 40 peserta hadir memeriahkan acara ini. Ceramah Khas ini telah disampaikan oleh Penolong Pendaftar, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin yang mana beliau menekankan hadis ke-19 daripada Himpunan Imam Nawawi iaitu, 'Jagalah Allah nescaya Dia akan menjagamu'.

Beliau turut menyentuh beberapa perkara antaranya kepentingan menjaga keimanan di kalangan anak muda, kepentingan mengutamakan Allah Subhanahu Wata'ala dalam setiap urusan kehidupan, hubungan erat antara iman, takwa dan kekuatan rohani serta cabaran kesihatan mental yang semakin mencabar dalam kalangan generasi muda.

Selain ceramah, turut diadakan Mini Pameran Infografik iaitu 'Timeline Kehidupan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam' yang memaparkan garis masa perjalanan hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sejak kelahiran hingga kewafatan Baginda dan pameran infografik 'Wall of Heroes' yang mempamerkan 10 pemuda hebat pada zaman Rasulullah sebagai inspirasi generasi muda.

Peserta juga berpeluang menyumbang pandangan melalui Board of Sunnah dan Board of Harapan, di mana mereka menulis

contoh-contoh sunnah Rasulullah serta harapan mereka terhadap belia masa kini.

Sementara itu, kuiz interaktif bertajuk 'Teka Sahabat' yang berkaitan dengan pameran turut dijalankan, memberi peluang kepada para peserta untuk memenangi hadiah istimewa.

Pihak penganjur berharap melalui penganjuran program ini, para belia akan lebih terdorong untuk menghayati sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, memperkukuhkan jati diri, serta berperanan sebagai generasi yang berakhlak mulia dengan menjadikan Rasulullah dan para sahabat sebagai contoh teladan.

ANTARA yang hadir pada acara berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan Syababurroja



CERAMAH Khas disampaikan oleh Penolong Pendaftar, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin.

KAMPUNG KIARONG, Isnin, 15 September. – Bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1447 Hijrah, Kumpulan Syababurroja dari Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong telah menganjurkan sebuah Ceramah Khas dan Mini Pameran yang bertemakan 'Youth Power : Didikan Rasulullah Untuk Anak Muda', baru-baru ini.

Penganjuran program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terutama anak muda mengenai sejarah hidup, perjuangan dan pengorbanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui pendekatan ceramah serta pameran visual dan interaktif.

Ia juga diadakan bagi menyemai dan menambah rasa kecintaan terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, menggalakkan

Solat Sunat Hajat mohon keberkatan

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Berakas

BERAKAS, Isnin, 15 September. - Sekolah Menengah Berakas (SMB) telah mengadakan Majlis Solat Hajat dan Membaca Surah Yaa Siin serta Program Motivasi Pelajar bagi pelajar Tahun 8 dan 11 bertempat di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop, hari ini.

Majlis yang dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Kaunseling, SMB ini disertai oleh guru-guru dan pelajar-pelajar Tahun 8 dan 11.

Atur cara majlis dimulakan dengan Solat Sunat Hajat diketuai oleh Imam Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop, Awang Haji Syamsul Nizam bin Haji Badar, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin.

Majlis turut diserikan dengan ceramah yang disampaikan oleh Awang Muhamad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Setelah itu, bacaan restu daripada pelajar dibaca oleh Md. Farrel Sharaiyah bin Md. Faisal Rizal dari Tahun 11G4, kemudian bacaan restu daripada ibu bapa dan seterusnya, bacaan restu daripada guru dibaca oleh Awang Kamal bin Haji Lamat.



PARA pelajar semasa mendengarkan ceramah disampaikan oleh Awang Muhamad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit dari Majlis Ugama Islam Brunei.

Selera
KAMPUNG
Kitani



Nona Manis RPN Kampung Lumut

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Bahan-bahannya :

Bahan A
1 biji telur
1/2 cawan gula
1 cawan tepung gandum
1 cawan santan

Bahan B
1/2 cawan santan
Air daun pandan (1/2 cawan air + 4 helai daun pandan dikisar & tapis)
2 sb tepung jagung

1 sk pewarna hijau

Bahan C
2 cawan santan
1 sk gula
2 sb tepung gandum
1 sk garam

Cara-cara:
Kisar bahan A dan ketepikan. Masak bahan B di atas api dan campurkan bahan A tadi dan gaul sehingga sebat. Tapiskan adunan

dan masukkan ke dalam botol sos. Setelah itu, masak bahan C sehingga sebat. Pastikan adunan tidak terlalu pekat. Tapiskan adunan dan masukkan ke dalam botol sos. Sapu minyak pada acuan supaya mudah untuk dikeluarkan. Tuang adunan yang berwarna hijau sebanyak 3/4 daripada acuan. Kemudian tuang adunan yang berwarna putih di tengah-tengah. Kukus selama 20 minit.



Ilal Majdi Wal 'Ula platform kokurikulum hadapi PSR

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Ihsan Sekolah Arab Temburong

TINGGAL beberapa minggu sahaja lagi, murid-murid Darjah 6 yang mengikuti pengajian di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta di seluruh negara akan menghadapi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah atau PSR. Oleh itu, pelbagai langkah dan inisiatif dilakukan oleh pihak sekolah ke arah meningkatkan pencapaian keputusan peperiksaan murid-murid di sekolah masing-masing.

Dalam hal ini, Bahagian Sekolah Arab (BSA), Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) juga tidak ketinggalan dalam membimbing pelajar-pelajar persekolahan Arab di seluruh negara yang bakal menduduki PSR pada bulan Oktober nanti. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan mengadakan PSR SIUK di bawah Program Ilal Majdi Wal 'Ula, satu program intervensi yang diadakan setiap tahun secara bergilir-gilir oleh sekolah-sekolah Arab di keempat-empat daerah. Program berkenaan merupakan platform kokurikulum yang terancang dan berkesan untuk mempersiapkan pelajar-pelajar dalam

menghadapi peperiksaan yang bakal mereka hadapi.

PSR SIUK

Salah sebuah persekolahan Arab yang mengadakan Program Ilal Majdi Wal 'Ula adalah Sekolah Arab Temburong (SAT). Berlangsung baru-baru ini, PSR SIUK di SAT bertemakan 'Badudun & Bermain' dengan disertai oleh seramai 40 pelajar dari tujuh buah sekolah iaitu Sekolah Arab Temburong, Sekolah Arab Belait, Ma'had Islam Brunei, Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan dua buah sekolah rendah jemputan iaitu Sekolah Rendah Puni dan Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar, Temburong. Program antara lain bertujuan untuk mencapai sasaran KPI kebangsaan 1.1 dan 1.2 Wawasan Brunei 2035 iaitu 92.98 peratus (%) Gred 'A' - 'C'. Selain itu program juga bertujuan untuk meningkatkan penguasaan penuntut terhadap isi pelajaran yang diajarkan dan memvariasikan cara pembelajaran melalui kaedah permainan serta membiasakan penuntut memberikan idea secara tepat dan spontan. Memupuk semangat kerjasama, berdaya saing secara

sihat antara pasukan atau kumpulan dan meningkatkan keyakinan diri serta berani dalam membuat penyelesaian masalah dalam kumpulan juga merupakan tujuan program tersebut diadakan.

Pelancaran

Ketika melancarkan program berkenaan, Guru Besar SAT Dayang Serikartini binti Haji Omar berkata, Program PSR SIUK di bawah Program Ilal Majdi Wal 'Ula adalah merupakan satu usaha untuk menyuntik semangat para pelajar khususnya pelajar Sanah 6, sebagai platform yang menarik untuk mengulang kaji pelajaran melalui variasi permainan kreatif dan uji minda yang mencabar untuk mempertingkatkan kebolehan dan pencapaian pelajar dalam PSR yang akan diadakan Oktober nanti.

Katanya lagi untuk menjalinkan silaturahim dan ukhuwah yang mesra, para peserta yang bertanding dalam program ini tidak mewakili sekolah masing-masing, tetapi dibahagikan secara rawak kepada 10 buah kumpulan kuih dan makanan tradisional Brunei. Dalam pertandingan ini, para peserta badudun ke 11 buah kampung di Daerah

Temburong mengikut peta kumpulan masing-masing. Dayang Serikartini berharap para pelajar dapat memupuk semangat kerjasama, melatih minda dan fizikal serta bersaing secara sihat untuk mencapai matlamat.

Pencapaian PSR Persekolahan Arab

Dalam pada itu merujuk kepada kenyataan dari KHEU, keputusan PSR pelajar-pelajar Sanah 6 persekolahan Arab di negara ini yang mendapat Gred 'A' - 'C' bagi tahun 2024 adalah sebanyak 97.19%, sekali gus menunjukkan peningkatan sebanyak 2.53% berbanding tahun 2023. Sejak lebih 7 tahun kebelakangan ini, persekolahan Arab berhasil mengekalkan pencapaian keseluruhan sebanyak 90% ke atas bagi Gred 'A' - 'C' dalam peperiksaan PSR melalui berbagai usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dan juga pihak JPI, KHEU. Oleh itu adalah diharapkan aktiviti PSR SIUK di bawah Program Ilal Majdi Wal 'Ula seumpama ini akan dapat membantu pelajar dalam mengulang kaji pelajaran mereka dan lebih bersedia menghadapi peperiksaan PSR nanti.





Cakna kesihatan reproduktif wanita

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Jabatan Penerangan, ihsan Kumpulan OVAchievers

KAUM wanita perlu cakna dalam memahami apa jua isu-isu kesihatan berkaitan wanita. Sememangnya banyak penjagaan kesihatan wanita yang perlu diambil peduli sama ada mereka yang sudah berkahwin mahupun belum. Antara isu kesihatan yang sering menimpa kaum wanita ialah Sindrom Ovari Polisistik - Polycystic Ovary Syndrome (PCOS).

Memahami PCOS sangat penting bagi kaum wanita terutama sekali mereka yang berada pada umur reproduktif. Kesan PCOS tidak hanya pada kesuburan, tapi juga pada kesihatan fizikal dan mental secara keseluruhan. Perlu diketahui bahawa satu daripada setiap 10 wanita terjejas oleh PCOS. Ia juga boleh memberi komplikasi jangka panjang termasuk kesan terhadap kesihatan mental seperti kemurungan.

Malah kaum lelaki juga harus mengetahui dan memahami asas mengenai kesihatan wanita misalnya PCOS terutama para suami, ketua keluarga, bapa, ketua di pejabat dan mereka yang mempunyai ahli keluarga perempuan. Ini kerana mereka juga boleh memberi dorongan kepada kaum wanita.

Apa itu PCOS?

PCOS adalah keadaan endokrin yang kompleks (keadaan berkaitan hormon) yang mempengaruhi wanita dengan mengganggu keseimbangan hormon mereka dan fungsi ovari mereka.

Ia memberi kesan yang berbeza kepada wanita. Sesetengah mempunyai simptom yang ketara, sementara yang lain menunjukkan perubahan dalam hormon atau ujian darah.

Satu gejala PCOS ialah kehadiran cysts ovari kecil, yang dikenal pasti melalui ultrasound.

Adapun gejala utama PCOS ialah kedatangan haid yang tidak teratur, tiada rambut atau rambut yang berlebihan (hirsutisme) pada wajah atau badan, terdedah kepada jerawat / kulit berminyak / kulit hiperpigmentasi, gangguan mood

hingga boleh menjejaskan kualiti hidup, mempunyai masalah untuk hamil, rambut semakin nipis di kepala, berat badan bertambah / sukar menurunkan berat badan dan sebagainya. Perlu diingatkan, mereka yang mempunyai PCOS tidak semestinya mengalami semua gejala ini.

Risiko

Risiko PCOS boleh menyebabkan turunnya tahap kesuburan dan peluang hamil bagi kaum wanita. Bayangkan jika PCOS ini banyak dihidap oleh kaum wanita di sesebuah negara itu, ia boleh menjejaskan fertility rate dan seterusnya melambatkan kadar pertumbuhan penduduk. Oleh itu, jika ia tidak ditangani dari awal ia boleh menjejaskan kehidupan wanita secara individu seperti hilang keyakinan diri disebabkan berat badan bertambah, lebih rentan mengalami stres dan sebagainya.

Selain itu PCOS juga boleh menyebabkan seseorang wanita itu menghidap Diabetes Jenis 2; apnea tidur; Kanser Endometrium dan penyakit jantung.

Pada masa ini belum ada rawatan khusus bagi menyembuhkan PCOS akan tetapi ia boleh diurus dan ditangani dengan mengamalkan gaya hidup sihat (diet / senaman); pemakanan seimbang dengan mengamalkan kadar protein yang tinggi; rawatan hormon; rawatan kesuburan (jika perlu) serta dapatkan dukungan daripada doktor dan komuniti.

PCOS bukanlah diagnosis berdasarkan imbasan semata-mata, malah ia adalah diagnosis pengecualian yang memerlukan penilaian perubahan yang tepat. Orang ramai juga dikehendaki tidak membuat diagnosis sendiri dan tidak hanya mendapatkan rawatan apabila ingin hamil.

Kaum perempuan yang baru akil baligh mesti mengetahui asas kesihatan reproduktif mereka seperti bagaimana yang dikatakan haid yang normal; apa yang perlu dilakukan sekiranya merasa sakit ketika haid dan sebagainya. Hubungan rapat antara ibu dan anak perempuan sangat penting agar anak

perempuan yang baru akil baligh mengetahui mengenai haid dengan betul.

Kempen

Maklumat yang betul mengenai PCOS boleh membuat wanita lebih percaya diri dan bagi mereka yang menghidap PCOS mereka tidak merasa sendirian menghadapi keadaan tersebut. Bagi meningkatkan lagi kesedaran mengenai PCOS dalam kalangan wanita, kempen The OVAtruth : PCOS berhasrat untuk menyebarkan maklumat yang tepat, menghapuskan salah faham dan menggalakkan sokongan perubahan awal dalam kalangan belia wanita.

Usaha ini diyakini dapat membantu lebih ramai wanita muda untuk membuat keputusan yang lebih baik berkaitan kesihatan reproduktif mereka.

Kempen tersebut dikendalikan oleh Kumpulan OVAchievers iaitu sekumpulan pegawai kerajaan yang sedang mengikuti Program Eksekutif Muda Kohort Ke-10 anjuran Institut Perkhidmatan Awam dalam Modul Community Outreach Project (COP) yang komited dalam memperkasa kesedaran kesihatan wanita dan menyediakan ruang perbincangan yang inklusif dan selamat di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Antara yang telah dikendalikan ialah menganjurkan dua bengkel pendidikan pada Rabu, 6 Ogos 2025 yang berlangsung di Institute Brunei Technical Education, IBTE (sesi pagi) dan Politeknik Brunei (sesi petang) dengan kehadiran lebih 150 orang peserta wanita yang terdiri daripada para pelajar dan pensyarah.

Bengkel tersebut menampilkan ceramah kesihatan oleh pakar perubatan jemputan, Ketua Jabatan dan Konsultan, Obstetrik dan Ginekologi dari Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC), Dr. Lydia Suguna Chitra Karat.

Kumpulan OVAchievers juga telah menyertai acara larian yang berlangsung pada Ahad, 17 Ogos 2025, di Stadium Negara Hassanah Bolkiah. Acara ini dianjurkan sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai PCOS, iaitu keadaan kesihatan yang

memberi kesan kepada ramai wanita di seluruh dunia, termasuk di NBD. Dalam acara tersebut, semua Ahli OVAchievers telah mengambil bahagian, dengan dua orang ahli menyertai Kategori Half Marathon sejauh 21 kilometer (km), manakala tiga orang lagi ahli menyertai Kategori 3km.

Kumpulan OVAchievers berharap penyertaan dalam 'Run For PCOS' dapat memberi inspirasi kepada masyarakat untuk lebih memahami tentang PCOS, di samping menyokong wanita-wanita yang sedang melalui perjalanan kesihatan mereka. Usaha ini juga sejajar dengan aspirasi untuk membina sebuah komuniti yang lebih prihatin, inklusif dan menyokong kesihatan wanita.

Selain itu Forum Kesihatan Wanita telah diadakan pada Isnin, 18 Ogos 2025 di Senate Room, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam. Perbincangan menampilkan dua orang ahli panel iaitu Ketua Jabatan dan Konsultan, Obstetrik dan Ginekologi dari JPMC, Dr. Lydia Suguna Chitra Karat dan Pengasas BleedSafely, Dayang Siti Zaimah Roslan yang berkongsi pandangan serta panduan praktikal mengenai kesihatan wanita dan PCOS.

Bagi menambah keterlibatan peserta, sesi turut menyelitkn kuiz interaktif yang bertujuan untuk menguji pengetahuan dan meningkatkan kesedaran mengenai PCOS secara informatif namun dalam suasana santai.

Forum dijayakan dengan sokongan para penaja, sekali gus memudahkan cara perbincangan interaktif dan melibatkan penyertaan peserta bagi meningkatkan kesedaran serta menggalakkan tindakan dalam aspek kesihatan wanita.

Banyak kaum wanita tidak menyedari bahawa mereka memiliki PCOS hinggalah mereka mengalami kesulitan untuk hamil atau gangguan menstruasi. PCOS bukan sahaja menjejaskan di peringkat individu, tetapi ia juga boleh menjejaskan negara terutama pertumbuhan penduduk yang perlahan jika ramai yang mendapat gejala ini. Ingatlah bahawa diagnosis awal boleh membawa kepada rawatan yang lebih berkesan. Jika lewat dikesan, ia akan menjadi lebih sukar untuk dirawat.



OPERASI WASPADA DAPATI 2 KESALAHAN DI BAWAH AKTA PEKERJAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BELAIT, Isnin, 15 September. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait telah menjalankan Operasi Waspada 172/2025 di Mukim Kuala Belait pada 10 September 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan kedai membuat minuman dan makanan telah mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu, Bab 44, membuat potongan gaji pekerja yang tidak dibenarkan; dan Bab 71, gagal memberikan cuti tahunan.

Siasatan lanjut akan dijalankan

bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti pembayaran gaji tepat pada waktunya, memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang telah diwartakan, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan dan memberikan hak cuti tahunan kepada pekerja serta

membiayai tiket balik pekerja yang sudah tamat kontrak pekhidmatan.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

OPERASI Waspada 172/2025 yang diadakan di Mukim Kuala Belait bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.



Perempuan warga tempatan didenda miliki rokok

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid



TUTONG, Isnin, 15 September. - Seorang perempuan warga tempatan didakwa di Mahkamah Majistret Tutong atas satu pertuduhan kerana memiliki barang tegahan kastam, iaitu 11 karton dan 80 paket rokok pelbagai jenis.

Majistret, Hajah Normazdina binti Haji Md. Maskub membuat keputusan berkenaan selepas Royzeuanita binti Mohammad Roydezuan, 43 tahun didapati

bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 dan dijatuhkan hukuman.

Defendan ditangkap oleh Bahagian Operasi Sepadu sekatan jalan raya diketuai oleh Pasukan Polis Diraja Brunei bersama Pegawai-pegawai Pencegah Kastam, Unit Operasi (Cawangan Kuala Belait), Bahagian Komersial dan Penguatkuasaan

Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja serta agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang pada 21 Mei 2022 di Rumah RPN Kampung Bukit Beruang Tutong.

Defendan dihukum denda mahkamah sebanyak BND17,760 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda. Semua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.



ALAI PINTAR 157

SOALAN 17 SEPTEMBER 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Yang manakah nombor genap?
a) 39
b) 7
c) 26
- Antara berikut, yang manakah kata kerja?
a) Laju
b) Meja
c) Membaca
- Berapakah jumlah rakaat Solat Subuh?
a) 5
b) 4
c) 2

TARIKH TUTUP : 27 SEPTEMBER 2025

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 156 :

Nama : Jazilah Farhanah binti Fuzillah

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0127622-01. Sekolah : Sekolah Rendah Sultan Hassan

Nama : Mohamad Adi Akid bin Mohamad Sahariffin

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0144582-01. Sekolah : Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang II Tutong

Nama : Mohd. Syazwan Raziq bin Saiful Rezal

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0120464. Sekolah : Sekolah Rendah Penanjong Tutong

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 156

- A – Bawah
- A – 477
- A – Tidak sah

SHENZHEN UBAH TAPAK PELUPUSAN SAMPAH LAMA MENJADI HAB TEKNOLOGI MASA DEPAN



SHENZHEN, 16 Sept. - Di kaki Gunung Yinhu di Daerah Luohu, Bandar Shenzhen di selatan China, kanopi hijau yang luas meliputi 116,900 meter persegi tapak kerja di mana jengkaut dan jentolak beroperasi pada kapasiti penuh. Pekerja sibuk menutup kawasan yang

diratakan dengan filem anti resapan untuk mengelakkan air hujan daripada meresap masuk.

Ini adalah bekas tapak pelupusan Yulong, yang pernah menjadi tempat pembuangan terbesar di Shenzhen, kini sedang menjalani projek penempatan semula penggalian

penuh terbesar negara, menurut Rao Yiming, Ketua Parti Daerah Kecil Qingshuihe.

Ditubuhkan pada tahun 1983 dan ditutup pada tahun 1997, tapak pelupusan telah ditutup pada tahun 2005, mengumpul 2.55 juta meter padu sisa. Selama dua dekad, ia kekal tidak aktif, bukti pembangunan pesat bandar dan kebimbangan yang semakin meningkat bagi penduduk.

Terletak berhampiran pusat bandar, longgokan sisa besar itu telah lama menjadi pemandangan bandar, melanda komuniti berhampiran dengan bau, air larut lesap, pencemaran air bawah tanah dan risiko geologi.

Ketika Shenzhen bergelut dengan sumber tanah yang terhad di teras bandarnya, menangani isu alam sekitar yang bersejarah sambil mencipta ruang pembangunan baharu menjadi kritikal.

Pada 2024, Luohu menetapkan pemulihan tapak itu sebagai "projek teratasnya", melabur 2.17 bilion yuan (kira-kira 305.6 juta dolar AS) dalam apa yang telah menjadi salah satu usaha pemulihan alam sekitar yang paling mencabar di China.

"Proses pemulihan adalah pertempuran berteknologi tinggi," kata Ye Bin, Timbalan Pengarah Biro Pengurusan Bandar Luohu. "Kami telah melaksanakan sistem 'kanopi' terbesar di China untuk mengawal bau dan habuk, sambil menggunakan teknologi prarawatan aerobik pantas untuk mempercepatkan penstabilan sisa".

Di tapak yang dilengkapi dengan penghalang bunyi, trak mengangkut pelbagai kategori sisa ke kemudahan penapisan, taman alam sekitar dan perusahaan kitar semula. Projek itu mengendalikan 6,000 meter padu penggalian setiap hari, dengan kapasiti saringan 5,000 tan.

Ye menjelaskan bahawa sisa terutamanya termasuk serpihan pembinaan, sampah isi rumah, sisa bangunan, enap cemar, dan tanah tercemar. Selepas ujian, bahan yang layak diangkut untuk digunakan semula atau dilupuskan dengan betul.

Pemulihan bukanlah matlamat terakhir tetapi permulaan yang baru.

Walaupun pemulihan berterusan, perancangan telah pun bermula untuk pembangunan masa depan kawasan itu.

Rao mendedahkan bahawa tapak yang dipulihkan akan melepaskan kira-kira 300,000 meter persegi tanah untuk industri, diletakkan sebagai "lembah inovasi digital." Ia akan menumpukan pada kecerdasan buatan, teknologi kesihatan dan ekonomi digital yang sejajar dengan industri baru muncul strategik Shenzhen.

"Transformasi Yulong menunjukkan peralihan Shenzhen daripada pembangunan bergantung kepada pengembangan kepada membuka potensi dalam sumber sedia ada," kata Xie Zhikui, Naib Presiden Sekolah Parti Shenzhen. "Ruang perindustrian bersebelahan ini menyokong peningkatan Luohu dan strategi pembangunan Shenzhen". - ©XINHUA



SATU pertunjukan cahaya dron diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-45 Zon Ekonomi Khas Shenzhen di Shenzhen, Wilayah Guangdong, selatan China, pada 26 Ogos 2025.

Tujuh pelombong masih hilang selepas aliran lumpur di lombong Freeport Republik Indonesia

JAKARTA, 15 Sept. - Tujuh pelombong dilaporkan masih hilang selepas aliran lumpur melanda lombong bawah tanah Grasberg milik PT Freeport Republik Indonesia di Papua minggu lalu, menurut Kementerian Tenaga pada Isnin.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Mineral, Yuliot Tanjung berkata pasukan penyelamat telah menggali terowong untuk sampai ke lokasi dipercayai tempat pekerja terperangkap, namun mereka gagal ditemukan dan hubungan komunikasi turut terputus.

"Operasi dijangka mengambil masa 30 jam.

"Dua terowong baharu telah sampai ke lokasi awal, tetapi pekerja tidak berada di situ," katanya seperti dipetik CNBC Republik Indonesia.

Insiden itu berlaku pada 8 September kira-kira 10 malam waktu tempatan apabila aliran lumpur melanda lombong di kawasan tanah tinggi terpencil Tembagapura, daerah Mimika.

Freeport menggantung operasi perlombongan di Grasberg pada keesokan harinya bagi membersihkan laluan masuk dan

mencari pekerja yang hilang.

"Pasukan penyelamat dan pihak berkuasa sedang menggerudi tanpa henti untuk sampai ke lokasi pekerja yang terperangkap," menurut syarikat itu dalam kenyataan.

Freeport, anak syarikat milik negara Republik Indonesia Mining Industry Indonesia (MIND ID) bersama Freeport-McMoRan berpangkalan di Amerika Syarikat, mengendalikan lombong Grasberg di Papua yang merupakan antara simpanan tembaga dan emas terbesar di dunia. - ©BERNAMA

Jutaan rumah di Australia terancam kesan kenaikan aras laut - Laporan Kerajaan

CANBERRA, 15 Sept. - Jutaan rumah di Australia bakal terancam akibat kenaikan aras laut, manakala jumlah kematian berkaitan cuaca panas dijangka meningkat lebih dua kali ganda sekiranya pemanasan global melebihi 3 darjah Celsius (3C), menurut laporan kerajaan yang dikeluarkan pada Isnin, lapor Xinhua.

Penilaian Risiko Iklim Kebangsaan (NCRA) pertama Australia yang diterbitkan oleh Perkhidmatan Iklim Australia (ACS) mendapati sebanyak 1.5 juta rumah di pesisir pantai berisiko terjejas akibat kenaikan aras laut menjelang 2050 sekiranya suhu global melebihi 3 darjah Celsius berbanding era pra-industri.

Menjelang 2090, lebih 3 juta rumah dijangka berisiko jika skenario itu menjadi kenyataan.

Di bawah skenario itu, jumlah

kematian akibat cuaca panas dijangka meningkat 444 peratus di Sydney dan 259 peratus di Melbourne.

Jika pemanasan global dapat dihadkan kepada 1.5 darjah Celsius, kadar kematian berkaitan panas masih meningkat 103 peratus di Sydney dan 60 peratus di Melbourne, menurut laporan itu.

"Rakyat Australia sudah pun hidup dengan kesan perubahan iklim hari ini, namun jelas bahawa setiap darjah pemanasan yang berjaya kita elakkan kini akan membantu generasi akan datang daripada mengalami impak paling buruk pada masa depan," kata Menteri Perubahan Iklim dan Tenaga, Chris Bowen dalam satu kenyataan.

Laporan itu mendapati suhu purata global kini 1.2 darjah Celsius lebih tinggi berbanding purata

pra-industri 1850-1900, manakala iklim Australia sendiri meningkat 1.5 darjah Celsius sejak rekod kebangsaan bermula pada 1910.

Pada tahap 3 darjah Celsius, banyak spesies haiwan Australia akan dipaksa untuk berpindah, menyesuaikan diri dengan keadaan baharu atau pupus, dengan sehingga 70 peratus tumbuhan asli akan terdedah kepada keadaan yang tidak pernah dialami sebelum ini.

Sebagai respons kepada laporan itu, kerajaan turut mengeluarkan Pelan Adaptasi Kebangsaan pertama Australia yang merangkumi tindakan penyesuaian yang sedang dilaksanakan.

Kerajaan dijangka mengumumkan sasaran pengurangan pelepasan karbon Australia bagi 2035 dalam beberapa hari lagi. - ©BERNAMA

Seorang maut dalam serangan dron Israel di selatan Lubnan meski gencatan senjata

ISTANBUL, 15 Sept. - Serangan dron Israel ke atas sebuah kereta di selatan Lubnan pada malam Ahad mengorbankan seorang penduduk, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik media tempatan.

Agensi berita rasmi Lubnan, NNA melaporkan serangan itu menyasarkan sebuah kenderaan di antara kampung Toulun dan Burj Qalaouiyeh dalam daerah Bint Jbeil, wilayah Nabatieh.

Mangsa dikenal pasti sebagai penduduk tempatan Majdal Selm. Serangan berlaku tidak lama selepas satu lagi serangan Israel yang merosakkan sebuah kereta yang membawa beberapa kanak-kanak di kawasan sama.

Gencatan senjata dicapai pada November 2024 selepas siri serangan rentas sempadan antara Hizbullah dan Israel sejak 8 Oktober 2023 memuncak kepada perang besar-besaran Israel pada September 2024, yang meragut lebih 4,000 nyawa serta mencederakan sekitar 17,000 orang.

Di bawah perjanjian itu, Israel sepatutnya berundur sepenuhnya dari selatan Lubnan pada Januari lalu, namun hanya menarik sebahagian tenteranya dan masih mengekalkan kehadiran di lima pos sempadan. - ©BERNAMA

Mayat seorang lelaki ditemukan selepas letupan bangunan di Madrid

MADRID, 15 Sept. - Pasukan penyelamat di Madrid menemukan mayat seorang lelaki dari runtuhannya sebuah bangunan kediaman dan komersial sehari selepas letupan kuat yang menyebabkan 25 orang cedera, kata pihak berkuasa pada Ahad, lapor Agensi Berita Republik Persekutuan Jerman (dpa).

Perkhidmatan kecemasan ibu negara Sepanyol itu memaklumkan, mayat lelaki berusia 52 tahun ditemukan anggota bomba awal pagi Ahad di ruang bawah tanah bangunan berkenaan.

Menurut akhbar El País, tiga daripada 25 mangsa cedera dilaporkan berada dalam keadaan serius, susulan letupan yang berlaku di daerah Puente de Vallecas, selatan Madrid pada Sabtu.

Punca kejadian masih belum dikenal pasti namun laporan awal mengesyaki kebocoran gas di tingkat bawah bangunan mencetuskan letupan itu.

Insiden itu memusnahkan sebahagian pintu masuk bangunan serta dinding bersebelahan sebuah bar berhampiran, menyebabkan kerosakan pada bar dan pangsapuri di atasnya, menurut El País dan media Sepanyol lain.

Kesemua sembilan unit pangsapuri di bangunan itu telah dikosongkan atas faktor keselamatan.

Majlis bandar raya berjanji menyediakan bantuan penempatan sementara kepada para penduduk. - ©BERNAMA



PELEPASAN ROMBONGAN NBD KE 8TH SARAWAK INTERNATIONAL 4X4 JAMBOREE



PEMANGKU Penolong Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelepasan rombongan berkenaan di Lobi Pejabat Daerah Tutong.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin, Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Isnin, 15 September. - 8th Sarawak International 4x4 Jamboree 2025 akan diadakan mulai 16 September 2025 hingga 20 September 2025 bertempat di Sibuan dan Kapit, Sarawak, Malaysia.

Jamboree yang membawakan tema 'Mighty Rajang Ultimate Adventure' itu disertai oleh 25 ahli mewakili persatuan

yang terdiri daripada 12 buah kenderaan pacuan 4 roda.

Sehubungan itu, satu Majlis Pelepasan Rombongan Negara Brunei Darussalam (NBD) telah diadakan pagi tadi yang diketuai oleh Yang Dipertua Persatuan Kenderaan Pacuan 4 Roda Daerah Tutong, Awang Sha'ari bin Haji Zunaidi berlangsung di Lobi

Pejabat Daerah Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelepasan rombongan berkenaan ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya.

Terdahulu, penyerahan bendera 'Logo Persatuan Kenderaan Pacuan 4 Roda Daerah Tutong' kepada ketua rombongan disempurnakan oleh tetamu kehormat yang seterusnya menyerahkan pelek 'Logo

Persatuan Kenderaan Pacuan 4 Roda Daerah Tutong' kepada para peserta yang menyertai rombongan tersebut.

Antara lain tujuan rombongan tersebut menyertai Jamboree berkenaan ialah kerana menerima jemputan daripada pihak penganjur 4x4 Travel and Adventure Club Sarawak (SAKTA), di samping memperluaskan rangkaian persahabatan dalam kalangan penggemar-penggemar sukan tahan lasak, kereta pacuan 4 roda.

Bellingham kembali dalam skuad Real Madrid untuk pertembungan dengan Marseille

LONDON, 16 Sept. - Pemain tengah Real Madrid Jude Bellingham kembali disenaraikan dalam skuad untuk menentang Marseille pada aksi pembukaan Liga Juara-Juara Selasa ini, lapor PA Media/dpa. Pemain berusia 22 tahun itu masih belum beraksi musim ini selepas menjalani pembedahan bahu pada Julai.

Bellingham kali terakhir beraksi ketika Madrid tewas 4 - 0 kepada Paris St Germain dalam Piala Kelab Dunia Julai lalu, tetapi pulih lebih cepat daripada jangkaan untuk kembali bersama skuad kali ini.

Madrid memulakan kempen La Liga dengan cemerlang tanpa Bellingham, meraih empat kemenangan daripada empat perlawanan pertama, dan mahu meneruskan rentak itu dalam saingan Eropah.

Jurulatih Xabi Alonso pada sidang akhbar berkata pasukannya sangat bersemangat menjelang

perlawanan tersebut.

"Bermain dalam Liga Juara-Juara bersama Real Madrid sesuatu yang istimewa, apatah lagi di Bernabeu dengan sejarahnya. Pemain bersemangat untuk terus maju, berkembang dan bersedia menentang lawan yang kuat. Kami mahu bermula dengan baik esok," katanya.

Kylian Mbappe juga mempamerkan permulaan cemerlang musim ini dengan menjaringkan empat gol dalam empat perlawanan liga pertama Madrid, membantu kelab itu mendahului La Liga.

Pemain berusia 26 tahun itu masih belum pernah menjuarai Liga Juara-Juara dan kini berhasrat menambah trofi tersebut dalam koleksinya. Alonso bagaimanapun berkata tekanan itu tidak kelihatan pada Mbappe.

"Kami sedar projek ini masih pada peringkat awal, tetapi

matlamat bermain untuk Madrid memang sentiasa untuk menjuarai Liga Juara-Juara. Saya harap ia berlaku lebih cepat, dan kami berada di landasan yang betul. Kylian sebahagian daripada perjalanan ini, tetapi bukan hanya dia. Kami perlukan keseluruhan pasukan bekerja sebagai satu unit," katanya.

Madrid, juara 15 kali, sudah terbiasa mara jauh dalam kejohanan itu namun disingkirkan Arsenal pada peringkat suku akhir musim lalu.

Alonso mengakui tekanan untuk memenangi kejuaraan sememangnya wujud tetapi menganggap ia sebagai satu kehormatan dan sumber motivasi. Bila anda menyalur jersi ini atau datang sebagai jurulatih, itulah sebab anda berada di sini. Ia satu keistimewaan," katanya. - ©BERNAMA

Pemain ski Itali maut dalam kemalangan ketika latihan

ROME, 16 Sept. - Pemain ski Itali, Matteo Franzoso, meninggal dunia selepas terbabit dalam kemalangan serius ketika menjalani latihan di Chile, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Persekutuan Ski Itali (FISI) pada Isnin memaklumkan Franzoso terjatuh ketika melakukan aksi lompatan pada Sabtu, tiga hari sebelum ulang tahun kelahirannya yang ke-26. Beliau melanggar dua jaring keselamatan sebelum menghentam pagar.

Franzoso dimasukkan ke sebuah hospital di Santiago de Chile dan ditidurkan secara perubatan, namun doktor tidak dapat menyelamatkan

nyawanya. "Ini satu tragedi buat keluarganya dan juga sukan kami," kata Presiden FISI Flavio Roda dalam kenyataan itu.

Franzoso mula menyertai Piala Dunia pada Disember 2021. Sejak itu, beliau membuat 17 penampilan dalam acara menuruni bukit dan Super-G, serta dua kali menamatkan perlumbaan dalam kelompok 30 terbaik.

Ketika kejadian, Franzoso sedang membuat persiapan menghadapi musim baharu bersama pemain ski utama Itali, termasuk Dominik Paris, di kawasan ski La Parva berhampiran Santiago de Chile. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERUSAHA MEMPERBAIKI, MEMANTAPKAN EKONOMI DIRI, KELUARGA, MASYARAKAT DAN NEGARA